

# **BAB PERTAMA**

**AL-QURAAT AL-SAB'AH**

BAB PERTAMA  
AL-QIRĀ'AH AL-SAB'AH

FASAL PERTAMA: PENURUNAN AL-QURĀN DENGAN TUJUH HURUF

1. PENGENALAN

Sejak mula terciptanya makhluk, Allah telah menetap buat mereka suatu undang-undang dan pedoman tersendiri. Secara fitrah, bangsa Arab telah memiliki berbagai-bagai dialek yang sebahagiannya ada yang mereka pelajari dari pelbagai dialek daerah di sekitarnya.

Khusus untuk bahasa bangsa Quraish terdapat beberapa keistimewaan yang tersendiri dari segi ekspansinya:

- i . Mereka adalah pedagang yang berdomisili di sekitar Baitullah sekaligus menjadi penjaga dan pemeliharanya.
- ii. Apabila mendapat dialek lain yang mereka anggap menakjubkan , mereka berusaha mempelajarinya.

Dari faktor 'alamiah , Allah telah menurunkan Al-Qurān di dalam bahasa Arab secara universal sehingga mereka dapat memahaminya dengan mudah, di samping merupakan mukjizat dan cabaran kepada pujangga untuk mendatangkan satu surah atau satu ayat sahaja seperti itu . Di samping itu juga , ini membolehkan mereka menghafalnya dengan mudah , membacanya serta memahaminya dengan cepat kerana bahasanya dari bahasa

merekā sendiri. Sebagaimana firman Allah:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِّعْلَمَ تَعْقِلُونَ (يوسف: 2)

Ertinya: Sesungguhnya Kami menurunkannya berupa Al-Qur'an dengan bahasa 'Arab, agar kamu memahaminya.

## 2. BEBERAPA DALIL TENTANG PENURUNAN AL-QUR'AN DENGAN TUJUH HURUF

### Pertama:

أولاً : روى البخاري ومسلم في صحيحهما عن ابن عباس رضي الله عنهما أنه قال : قال رسول الله ﷺ : ( أقراني جبريل على حرف فراجعته

لهم أزل أستربده ويزباني حتى انتهي إلى سبعة أحرف )<sup>(1)</sup> زاد مسلم : ( قال ابن شهاب : بلغني أن تلك السبعة في الأمر الذي يكون واحداً لا يختلف في حلال ولا حرام ) .

Ertinya: Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim di dalam kitab Sahihnya, dari Ibn 'Abbas R.A bahwasanya dia berkata : Rasulullah bersabda: Jibril telah membacakan (Al-Qur'an) kepada saya dengan satu dialek , saya mengulanginya kembali lalu saya minta tambah lagi dan ia pun menambahnya hingga mencapai tujuh dialek.(1)

Imam Muslim menambah hadis ini bahawa: Ibn Shihab berkata "Saya mendengar bahawa ketujuh-tujuh jenis dialek itu tiada satu pun di antaranya salah bahkan semuanya di bolehkan."

(1)Imām Bukhārī Sahīh Bukhārī Juzu'3 (Maktabah Islāmī, Istanbul, Turki : m.s 227, Imām Muslim Sahīh Muslim Jilid 1 (Idarah al-Burūs Wa al-Iftā' Saudiah ): m.s 561 Kedua-duanya dengan sanad dari Ubaidillah bin Abdilah bin Utbah.

mereka sendiri. Sebagaimana firman Allah:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ (يوسف: 2)

ERTINYA: Sesungguhnya Kami menurunkannya berupa Al-Qur'an dengan bahasa 'Arab, agar kamu memahaminya.

## 2. BEBERAPA DALIL TENTANG PENURUNAN AL-QUR'AN DENGAN TUJUH

### HURUF

Pertama:

أولاً : روى البخاري ومسلم في صحيحهما عن ابن عباس رضي الله عنهما أنه قال : قال رسول الله ﷺ : ( اقرأني جبريل على حرف فراجعته

للم أزل أستزيد به ويزيدني حتى انتهي إلى سبعة أحرف )<sup>(1)</sup> زاد مسلم : ( قال ابن شهاب : بلغني أن تلك السبعة في الأمر الذي يكون واحداً لا يختلف في حلال ولا حرام ) .

ERTINYA: Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim di dalam kitab Sahihnya, dari Ibn 'Abbas R.A bahwasanya dia berkata : Rasulullah bersabda: Jibril telah membacakan (Al-Qur'an) kepada saya dengan satu dialek , saya mengulanginya kembali lalu saya minta tambah lagi dan ia pun menambahnya hingga mencapai tujuh dialek.(1)

Imam Muslim menambah hadis ini bahawa: Ibn Shihab berkata "Saya mendengar bahawa ketujuh-tujuh jenis dialek itu tiada satu pun di antaranya salah bahkan semuanya di bolehkan."

---

(1) Imām Bukhārī Sahīh Bukhārī Juzu'3 (Maktabah Islāmi, Istanbul, Turki : m.s 227, Imām Muslim Sahīh Muslim Jilid 1 (Idarah al-Burūs Wa al-Iftā', Saudiah ): m.s 561 Kedua-duanya dengan sanad dari Ubaidillah bin Abdilah bin Utbah.

KEDUA: ثانِيًّا : روى البخاري ومسلم – والمعنى للبخاري – أنَّ عمر بن الخطاب رضي الله عنه قال ( سمعت هشام بن حكيم يقرأ سورة الفرقان في حياة رسول الله ﷺ . فاستمعت القراءته فإذا هو يقرؤها على حروف كثيرة لم يقرئها رسول الله ﷺ فكانت أساوره في الصلاة فانتظرته حتى سلم ثم لبيته ببرائته ) .  
 قلت : من أقرأك هذه السورة ؟ قال : أقرأنيها رسول الله ﷺ . قلت له :  
 كذبت . فوالله إن رسول الله ﷺ أقرأني هذه السورة التي سمعتُ تقرؤها .  
 فازطلقت أقوه إلى رسول الله ﷺ فقلت : يا رسول الله إني سمعت هذا يقرأ  
 بسورة الفرقان على حروف لم تقرئنيها وأنت أقرأني سورة الفرقان فقال رسول الله ﷺ . أرسله يا عمر ، أقرأ يا هشام . فقرأ هذه القراءة التي سمعته يقرؤها  
 قال رسول الله ﷺ : هكذا أنزلت . ثم قال : ( إن هذا القرآن أُنزل على  
 سبعة أحرف فاقرأوا ما تيسر منه ) .  
 وفي بعض الروايات أن رسول الله استمع إلى قراءة عمر أيضاً وقال :  
 هكذا أنزلت .

ERTINYA: Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dengan lafaz  
 Bukhari: Bahawa Umar Al-Khaṭṭab R.A pernah berkata : "Pada  
 zaman Rasulullah S.A.W saya pernah mendengar Hisham bin  
 Hakim membaca Surah Al-Furqān. Saya perhatikan bacaannya, dia  
 membacanya dengan beberapa dialek yang Rasulullah belum lagi  
 mengajarkannya kepada saya, hampir sahaja saya melompatinya  
 tetapi dia sedang bersembahyang, maka saya tunggu sehingga  
 dia memberi salam , kemudian saya menarik serbannya sambil  
 berkata: "Siapa yang mengajarmu Surah ini? " Dia menjawab :  
 "Rasulullah yang mengajarkannya kepada saya. " Kau berdusta,  
 saya memarahinya. Demi Allah lanjutnya,Rasulullah yang telah  
 telah mengajarkan Surah ini yang saya sendiri pernah men-  
 dengar engkau membacanya . Setelah itu saya membawa mengadap  
 Rasulullah , lalu saya katakan kepadanya, "Wahai Rasulullah, &  
 saya mendengar orang ini membaca Surah Al-Furqān dengan  
 beberapa dialek yang tidak engkau ajarkan kepadaku,sedangkan  
 engkau telah mengajarkan kami Surah ini."

Kemudian Rasulullah menjawab, "Lepaskannya wahai Umar, bacalah Hisham" , kemudian Hisham membacanya sebagaimana ketika saya mendengarnya . Setelah itu Rasulullah bersabda, " Demikianlah Surah ini diturunkan. Sesungguhnya Al-Qur'an diturunkan dengan tujuh dialek (huruf) , maka bacalah mana yang lebih mudah bagi kamu ."

Menurut sebahagian riwayat , Rasulullah memerintahkan Umar untuk membacanya juga , dan bersabda: "Demikianlah ayat ini diturunkan." (2)

Ketiga:

ثالثاً : روى مسلم بن مطر عن أبي بن كعب قال : (كنت في المسجد فدخل رجل يصلي فقرأ قراءة أنسرها عليه . ثم دخل آخر . فقرأ قراءة سوي قراءة صاحبه . فلما قضينا الصلاة دخانا جميعاً على رسول الله ﷺ . فقلت : إن هذا قرأ قراءة أنسرها عليه ، ودخل آخر فقرأ سوي قراءة صاحبه فأمرهنا رسول الله ﷺ فقرأ . فحسن النبي ﷺ شأنهما . فسقط في نفسي من النكارة ولا إذ كنت في الجاهلية . فلما رأى رسول الله ﷺ ما قد غشيني ضرب في صدري ، فقضت عرقاً . وكأنما انظر إلى الله عزوجل فرقاً فتال لي : يا أبي : أرسل إلي أن أقرأ القرآن على حرف فردت إليه : أن هون على أمي . فرد إلي الثانية أقرأه على حرفين . فردت إليه : أن هون على أمي . فرد إلي الثالثة : إقرأه على سبعة أحرف . وذلك بكل ردة ردتها مسألة تسألنها فقلت «اللهم اغفر لأمي اللهم اغفر لأمي وأخرت الثالثة ليوم يرغب إلي الحزن كلهم حتى إبراهيم ﷺ » اه .

قال القرطبي : «فكان هذا الماطر (يشير إلى ما سقط في نفس أبي) من قبيل ما قال فيه النبي ﷺ حين سأله : إنما نجد في أنفسنا ما يتعاظم أحذنا أن بتكلم به . قال : أوقد وجدهموه ؟ قالوا : نعم . قال ذلك صريح الإعان» رواه مسلم .

(2) Sahih Bukhari, Fada'il Al-Qur'an (Juzu' 5 : m.s 27 )

Ertinya: Diriwayatkan oleh Muslim dengan sanad dari Ubai bin

Kaab berkata: Satu ketika saya berada di masjid , lalu masuk seorang lelaki dan bersembahyang . Dia mem baca satu ayat dengan dialek yang saya tidak mengetahuinya atau yang pelik. Kemudian masuk seorang pula lelaki lain dan membaca dengan bacaan yang lain pula. Setelah kami semua selesai menunaikan solat , kami bawa mereka mengadap Rasulullah : " Lelaki ini membaca satu ayat dengan dialek yang tidak saya senangi , setelah itu, masuk lagi seorang lelaki lain dan membaca dengan bacaan lain pula. Maka Rasulullah pun memerintahkan mereka berdua membaca , lalu kedua-duanya membaca. Ter nyata Baginda memuji mereka tanpa mempertikaikannya. Tiba-tiba ketika itu , aku terasa dalam hati kerana aku terasa berbohong dan bodoh.

Rasulullah melihat aku yang tidak berdaya lagi, kemudian menghampiriku dan menepuk dadaku,maka mengalir lah keringat di seluruh tubuhku, dan beliau seolah-olah memperlihatkan kesedihannya kepada Allah dan bersabda : "Wahai Ubai , Jibrail telah di utuskan kepadaku dan memerintahkan aku untuk membaca Al-Qur'an dengan satu huruf, tetapi aku menolaknya dan meminta agar meringankan beban ini bagi umatku."

Kemudian dia datang pada kali yang kedua dan memerintahkanku untuk membacanya dengan dua huruf , aku menolak lagi dan meminta agar meringankan beban ini kepada umatku . Pada kali yang ketiga pula , dia datang

memerintahkanku dengan tujuh huruf, dan pada setiap kali penolakanku itu, setiap kali itu jugalah ada masalah yang harus aku pertanggungjawabkan kepadanya.

Setelah itu aku berdoā : "Ya Allah, ampunilah umatku Ya Allah, ampunilah umatku." (3)

Keempat :

رابعاً : روى الحافظ أبو يعلى في مسنده الكبير أن عثمان رضي الله عنه قال يوماً وهو على المنبر : «أذْكُرَ اللَّهَ رَجُلًا سَمِعَ الْبَيْتَ الْمَكْرُورَ قَالَ : إِنَّ الْقُرْآنَ أُنْزِلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ كُلُّهَا شَافٌ كَافٌ » لِمَا قَامَ . فَقَامُوا حَتَّى لَمْ يَخْصُصُوا . فَشَهَدُوا أَنَّ الرَّسُولَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ (أُنْزِلَ الْقُرْآنَ عَلَى سَبْعَةِ حُرُوفٍ كُلُّهَا شَافٌ كَافٌ) . فَقَالَ عُثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : وَأَنَا أَشْهُدُ مَعْهُمْ .

Ertinya : Diriwayatkan oleh Al-Hafiz Abu Ya'la di dalam musnadnya , bahawa pada suatu hari Othman R.A pernah ber kata di atas mimbar : "Ada seorang lelaki yang mendengar Rasulullah bersabda : "Sesungguhnya Al-Qur'an di turunkan dengan tujuh huruf, semuanya qat'ie (lengkap)." Setelah itu, dia berdiri dan mereka pun turut berdiri dan menyatakan kesaksian mereka bahawa Rasulullah memang telah benar-benar bersabda sebagaimana di atas. Maka Othman pun menyatakan kesaksiannya bersama mereka. (4)

---

(3) Sahih Muslim (m.s 270)

(4) Al-Zarqaniyy. Mañāhil Al 'Irfān Fī Ulūm Al Qurān (Dari Ehyā') Al-Kutub Al-Arabiah, Cairo ) : m.s 139

خامساً :

روى مسلم بسنده عن أبي بن كعب أن النبي ﷺ كان عند أضياءة (١١) بني غفار قال : ( فأناه جبريل عليه السلام فقال : إن الله يأمرك أن تقرأ أمتك القرآن على حرف . فقال : أسأل الله مغافاته ومغفرته . وإن أمري لا تطبق ذلك . ثم أتاه الثانية فقال : إن الله يأمرك أن تقرأ أمتك القرآن على حرفين . فقال : أسأل الله مغافاته ومغفرته . وإن أمري لا تطبق ذلك . ثم جاءه الثالثة فقال : إن الله يأمرك أن تقرأ أمتك القرآن على ثلاثة أحرف . فقال : أسأل الله مغافاته ومغفرته وإن أمري لا تطبق ذلك . ثم جاءه الرابعة فقال إن الله يأمرك أن تقرأ أمتك القرآن على سبعة أحرف . فلما حرف قرءوا عليه فقد أصابوا ) اه .

Ertinya: Diriwayatkan oleh Muslim dengan sanad dari Ubai bin Kaab , bahawa Rasulullah pernah bersabda , ketika itu beliau berada di suatu rawa milik Bani Ghifar sebagai berikut . Kemudian Jibril datang kepada beliau dan berkata : " Sesungguhnya Allah memerintahkanmu untuk mengajarkan Al-Qur'an kepada umatmu dengan satu dialek " .

Mendengar ucapan itu Rasulullah bersabda : " Saya memohon ampun kepada Allah , sesungguhnya umatku tidak mampu melakukan itu . " Kemudian Jibril datang buat kali kedua dan berkata : " Sesungguhnya Allah memerintahmu untuk mengajarkan Al-Qur'an kepada umatmu dengan dua dialek . " Rasulullah bersabda lagi :"Aku memohon ampun kepada Allah , sesungguhnya umatku tidak mampu melakukan itu. " Kemudian Jibril datang buat kali yang ketiga dan berkata : " Allah memerintahmu untuk mengajar Al-Qur'an

kepada umatmu dengan tiga dialek . " Saya memohon ampun kepada Allah , lanjutnya sesungguhnya umatku tidak akan mampu melakukan itu . Kemudian ia datang lagi untuk kali kali keempatnya dan memberitahu bahawa Allah memerintahkan beliau untuk mengajarkannya dengan tujuh dialek , dan dialek yang mereka baca dari tujuh dialek tadi semuanya benar .(5)

Keanam:

سادساً : روى الترمذى عن أبي بن كعب أيضاً قال : لاني رسول الله ﷺ جبريل عند أحجار المروة . قال : فقال رسول الله ﷺ لجبريل : لاني بعثت إلى أمة أميين ، فيهم الشيخ الفانى ، والعجوز الكبيرة ، والغلام . قال : « لأمرهم فلايقرءوا القرآن على سبعة أحرف » قال الترمذى : حسن صحيح .  
وفي لفظ : ( فمن قرأ بحرف منها فهو كما قرأ ) .

وفي لفظ حديثة : « فقلت يا جبريل إني أرسلت إلى أمة أمية فيهم الرجل والمرأة والغلام والحاربة والشيخ الفانى الذي لم يقرأ كتاباً فقط قال : « إن القرآن أنزل على سبعة أحرف » .

Ertinya : Diriwayatkan oleh Tarmizi dari Ubai bin Kaab berkata berkata: " Pernah suatu ketika Rasulullah bertemu Jibrail, kemudian beliau bersabda kepada Jibrail : "Sesungguhnya aku diutus kepada satu umat yang buta huruf dan diantara mereka ada yang sudah tua bangka dan ada pula yang masih kecil. " Lalu Jibrail berkata : "Suruhlah mereka agar mempelajari Al Quran dengan tujuh dialek." Diriwayatkan oleh Tarmizi dengan Hadis Sahih.

---

(5) Sahih Muslim (Juzu' 6 : 560 )

Dan pada satu lafaz : Barangsiapa yang membaca dengan satu dialek sahaja , sama halnya dengan membaca kesemua nya.

Berdasarkan riwayat Hudhaifah : Rasulullah berkata:  
" Lalu saya katakan : " Wahai Jibrail sesungguhnya aku diutus kepada satu umat yang ummi , mereka terdiri dari lelaki , perempuan , anak-anak kecil , hamba sahaya dan orang tua bangka serta belum pernah membaca kitab sama sekali. " Kemudian Jibrail berkata" " Sesungguhnya Al-Quran diturunkan dengan tujuh huruf (dialek). " (6)

Ketujuh:

سابقاً أخرج الإمام أحمد بن حنبل عن أبي قيس مولى عمرو بن العاص عن عمرو أن رجلاً قرأ آية من القرآن . فقال له عمرو : إنما هي كذا وكذا ، فذكر ذلك للنبي ﷺ فقال : (إن هذا القرآن أنزل على سبعة أحرف ، فأي ذلك قرأت أصبت فلا تماروا) .

ERTINYA: Diriwayatkan dari Imam Ahmad dengan sanad dari Abi Qais (hamba kepada 'Amrū Ibnu Al 'As) dari 'Amru , bahawa pernah ada seorang lelaki membaca satu ayat Al-Qurān. Kemudian 'Amrū berkata kepada lelaki tadi: "Baca ayat ini begini dan begini ."

Setelah itu 'Amrū memberitahu kepada nabi , maka beliau bersabda : " Sesungguhnya Al-Qurān itu diturunkan dengan tujuh huruf , mana saja yang kamu pilih itu benar semua , maka janganlah diperbincangkannya (7)

---

(6) Sunan Tirmizi (Juzu' 4 : 263)

(7) Musnad Imām Ahmad (Juzu' 2 : 332 )

Banyak lagi hadis-hadis lain yang boleh dijadikan hujah tentang penurunan Al-Qurān dengan tujuh huruf (dialek), tidak kurang dari 21 orang sahabat yang menceritakan iaitu:

1. Umar bin Al-Khaṭṭab R.A (584 -644)M (13 -23)H
2. Othman Bin ‘Affan R.A (644 - 656)M (23 - 35)H
3. Ibn Mas‘ud R.A ( 1818 )M ( 1234 )H
4. Ibn ‘Abbas R.A (619 - 687)M (35H -68H)
5. Abū Hurairah R.A (602 - 679)M (21 - 59)H
6. Abū Bakar Al-Šiddīq R.S (632 - 634)M (11 - 13)H
7. Abū Jahmī R.A ( 690....)M (....70)H
8. Abū Sa‘id Al-Khudri R.A (613 - 693)M (10 - 74)H
9. Abū Talhah Al-Ansārī R.A (596 - 656)M (28 - 36)H
10. Ubai bin Ka’ab R.A ( 642....)M (21....)H
11. Zaid bun Arqam R.A ( 687....)M (68....)H
12. Samurah bin Jundab R.A ( 679....)M (60....)H
13. Salman bin Shurd R.A (.....650)M (.....30)H
14. Abd Al Rahman bin ’Auf R.A(580 - 652)M (32 - 44)H
15. ‘Amr bin Abī Salamah R.A (623 - 702)M (2 - 36)H
16. ‘Amr bin Al-‘Ash R.A (574 - 664)M (43 - 50)H
17. Mu‘az bin Jabal R.A (603 - 639)M (18SH-20H)
18. Hishām bin Hakim R.A ( 636 )M ( 15 )H
19. Anas bin Malik R.A (612 - 712)M (105B-93H)
20. Hudhāifah Al-Yamānī R.A (650.....)M (36....)H
21. Ummu Ayyūb R.A(isteri Abu Ayyub Al-Ansari R.A ) (8)

---

(8) Al-Zarqāniyy: Mañāhil Al-‘Irfān (Jilid 1 : 139 )

### 3. HIKMAT PENURUNAN AL-QURĀN DALAM TUJUH HURUF

3.1 Untuk memudahkan semua umat Islam khususnya bangsa 'Arab yang mana Al-Qurān diturunkan kepada mereka sedangkan mereka memiliki berbagai-bagai dialek .Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W. :

إِنَّهُوَنْ عَلَىٰ أُمَّتِي

Ertinya: " Hendaklah engkau ringankan buat umatku."

Dan selanjutnya:

وَلَكَ أُمَّتِي لَا تُطِقُّ ذِلْكَ

Ertinya:"Sesungguhnya umatku tidak mampu melakukan itu."

Atau sebagainya lagi.

( Al-Muhaqqiq Ibn Al-Jazarīyy berkata:

Adapun maksud diturunkan Al-Qurān dengan tujuh huruf ialah untuk meringankan umat Islam. Kehendak ini merupakan satu penghargaan kepada mereka , dan merupakan satu keluasan , keistimewaan, kasih sayang serta jawapan buat nabinya , sehingga Jibril datang kepada beliau dan berkata :

"Sesungguhnya Allah memerintahmu agar kamu mengajarkan Al-Qurān kepada umatmu dengan satu huruf , kemudian

Rasulullah bersabda : " Saya memohon kepada Allah serta pertolonganNya, sesungguhnya umatku tidak mampu melakukan itu , beliau terus sahaja menolak hingga mencapai tujuh huruf."

Selanjutnya , ia berkata : Sebagai mana ditetapkan bahawa Al-Qur'an diturunkan dari tujuh pintu dengan tujuh huruf , dan kitab yang sebelumnya diturunkan dari satu pintu dengan satu huruf. Hal ini tidak lain, kerana para nabi sebelum itu diutus kepada kaum mereka secara khusus sedangkan nabi S.A.W. diutus kepada seluruh makhluk yang ada di atas dunia ini baik yang berwarna merah atau yang hitam, yang berbangsa 'Arab atau Ajam.

Bangsa 'Arab sendiri memiliki pelbagai variasi bahasa dan dialek yang bermacam-macam , masing-masing mereka menghadapi kesukaran untuk merubah bahasanya atau dialeknya kepada bahasa atau dialek yang lain, bahkan di antara mereka ada yang tidak mampu sama sekali walaupun sudah melalui pengajaran dan bimbingan , apalagi yang sudah tua bangka dan yang tidak pernah sama sekali membaca kitab.) (9)

- 3.2 Dialek 'Arab Quraish telah menyatu padukan umat Islam , suatu dialek yang terdiri dari <sup>pada</sup> pelbagai dialek kabilah-kabilah 'Arab yang berbeza-beza ketika mereka mengunjungi Mekah , baik di musim haji atau di luar musim tersebut.

---

(9) Ibn Jazariyy, Al-Nashr Fi al-qiraat Al 'Ashr Jilid 1 m.s 22

Oleh kerana itulah Al-Qur'an diturunkan dengan tujuh huruf, sebagai pilihan dari <sup>pada</sup> dialek kabilah-kabilah bangsa 'Arab yang terpadu dalam satu dialek bangsa Quraish.

3.3 Syeikh Manna<sup>c</sup> Al-Qat<sup>tan</sup> menyimpulnya di dalam tiga hikmat seperti berikut:

- i. Memudahkan bacaan dan hafalan bagi kaum yang buta huruf dan tulisan.
- ii. Menjadikan Al-Qur'an sebagai mukjizat bagi fitrah kebahasaan di kalangan Arab.
- iii. Menjadikan Al-Qur'an sebagai mukjizat di dalam makna-makna dan kandungan hukum-hakamnya. (10)

Inilah hikmat Ilahiyyah yang begitu tinggi, sesungguhnya penyataan bahasa merupakan faktor terpenting dalam mewujudkan integrasi bangsa khususnya di awal kebangkitannya.

#### 4. ERTI PENURUNAN AL-QURAN DENGAN TUJUH HURUF

Al-Ahruf: Kata jama' dari "harf" ( حرف ) (11)

Kata "Harf" ( حرف ) menurut penerangan kamus memiliki erti yang banyak. Ia boleh diertikan dengan hujung sesuatu atau tepi atau pinggirnya. Contohnya, "Harf al-Jabal" bererti "tepi bukit" dan ianya bereti salah satu huruf hijaiyyah.

---

(10) Syeikh Manna<sup>c</sup> Al-Qat<sup>tan</sup>, Mabahith Fi Ulum AL-Qur'an (m.s 169) Maktabah Al-Ma'arif Riad 1981

(11) Lihat Syeikh Al Imām Muhammad Abi Bakr Ab. Kadir Al Rāzi Mukhtār Al-sīḥah, m.s 55 . Maktabah Lubnān 1988.

Firman Allah :

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَعْبُدُ اللَّهَ عَلَىٰ حَرْفٍ  
الْحَجَّ : ١١

Ertinya : " Dan di antara manusia ada orang yang menyembah Allah dengan berada di tepi." (Surah Al-Hajj:11)

Maksudnya , ia menyembahnya dengan satu segi sahaja iaitu dengan senang-senang, bukan dengan bersusah-payah atau dengan ragu, atau gelisah , tidak kukuh di dalam agama.

Sabda Rasulullah S.A.W.:

وَأَنْزَلَ الْقُرْآنَ عَلَىٰ سَبْعَةِ أَحْرَفٍ

Ertinya : " Dan Al-Qur'an itu diturunkan dengan tujuh huruf ."

Yakni , Al-Qur'an di turunkan dalam tujuh dialek dari berbagai-bagai jenis dialek bangsa Arab Ini bukan bererti satu huruf mempunyai tujuh wajah , ketujuh-tujuh macam dialek itu terdapat di dalam Al-Qur'an secara berpisah-pisah ( مُتَفَرِّقَةٌ ). (12) Maksud ( مُتَفَرِّقَةٌ )ialah setengah kalimat Al-Qur'an di baca dengan dialek Quraish dan setengahnya dengan dialek Yaman , Hawazin , Hudha'il dan selainnya bukanlah memberi makna tiap-tiap lafaz huruf-huruf Al-Qur'an mempunyai tujuh wajah bacaannya. Dimaksudkannya dengan huruf di dalam hadis tersebut ialah ( لُغَةً )

(12) Lihat Ibn Mandhur , Lisan Al-Arab Jilid 2 m.s 837  
Percetakan Dār Al-Ma'arif.

Dari kesekian banyaknya erti di atas, kita ambil satu erti yang sesuai dengan qorinah dan tempatnya.

Maka yang oi maksudkan dengan " Harf " itu ialah " Satu wajah" dengan dalil dari sabda Rasulullah S.A.W.:

أُنْزَلَ الْقُرْآنُ عَلَىٰ حَرْفٍ

Kalimat ( عَلَىٰ ) menunjukkan bahawa , sharat ini uncuk keluasan dan kemudahan . Ertinya , Al-Qur'an diturunkan dengan bebas bagi para pembacanya untuk membaca dengan tujuh wajah , wajah yang mana sahaja yg ia kehendaki .

#### 5. PENTAFSIRAN ULAMA' TENTANG KATA HURUF DALAM HADITH DAN TARJIHNYA.

Dalam hal ini terjadi perselisihan pendapat di antara mereka serta banyak pendapat dan pandangan dikeluarkan mengenai tafsirannya . Mengikut Al-Imām Jalaluddin Al-Sayutiyy di dalam kitabnya , terdapat 40 pendapat ulama' mengenainya (13). Di sini, penulis memperturunkan beberapa pendapat ulama' yang dikira kuat.

5;1 Sebahagiannya berpendapat bahawa ketujuh-tujuh jenis bahasa itu ialah bahasa-bahasa bangsa 'Arab dalam satu erti, dengan pengertian bahawa bahasa-bahasa 'Arab itu berbeza pada di dalam mengungkapkan satu erti dari sekian banyak erti

---

(13) Al-Sayutiyy, Al-Itqān Fi Ulūm Al-Qurān Juzu'1  
(Matba'ah Misriyah 1318 H) : m.s 46

di dalam Al-Qurān dengan lafaz-lafaz yang sesuai menurut setiap bahasa tersebut . Dan apabila tidak ada perselisihan, bererti dengan satu lafaz sahaja .

Apa yang dimaksudkan dengan tujuh huruf itu ialah tujuh dialek iaitu Quraīsh , Hudhail , Thaqīf , Hawāzin , Kinānah , Tamīm dan dialek Yaman .

5.2 Dimaksudkan dengan tujuh huruf ialah tujuh bahasa dari bahasa-bahasa Arab yang dipergunakan sebagai bahasa Al-Qurān. Dengan pengertian , bahawa kalimat-kalimat Al-Qurān secara kolektif ialah dengan bahasa Arab yang tujuh itu sebagai bahasa yang paling fasih . Akan tetapi majoritinya ialah dengan bahasa Quraīsh, sedangkan lainnya dari bahasa Hudzāil, Thaqīf , Hawāzin , Kinānah , Tamīm dan Yaman .

Di antara mereka ada yang berkata : Bahawa pendapat ini adalah paling tepat dan paling utama . Pendapat inilah yang diakui oleh Al-Baihaqī dan dipilih oleh Al-Abhūriy .

5.3 Apa yang dimaksudkan dengan huruf yang tujuh itu ialah tujuh macam bahasa yang terdapat di dalam Al-Qurān sejak diturunkannya.

Akan tetapi yang berpendapat demikian ini , mereka berselisih faham di dalam menentukan jenis-jenisnya dan uslub ta'birnya. Di antaranya ada yang berkata : Ketujuh macam huruf itu ialah: Perintah , larangan , halal , haram , muhkam mutashābiḥ dan amthāl .

Ada juga yang berpendapat bahawa ia adalah : Janji, ancaman, halal, haram, nasihat, amthal dan ihtijāj . Manakala yang lainnya berkata ia adalah: muhkam, mutashabih, nasikh, mansūkh, khusus, umum dan kisah-kisah. (14)

5.4 Bahawa yang dimaksudkan dengan tujuh huruf itu ialah wajah-wajah lafaz yang berbeza-beza di dalam satu kalimat dan satu makna seperti:

نَفَّاعٌ . أَقْبَلٌ . حَمْدٌ . عَجَلٌ . أَسْرَعٌ  
قَهْدِيٌّ . حَوْيٌ

Semua lafaz yang tujuh ini mempunyai satu erti, iaitu " permohonan ". Pendapat ini dinisbahkan kepada jumhur ahli fiqah dan Hadis antaranya ialah Ibn Jarir Al-Tobariyy, Al-Tohawi dan sebagainya. (15)

5.5 Dimaksudkan dengan tujuh huruf ialah tujuh wajah bacaan. Abul Faid Al-Razi di dalam kitabnya Al-Lawaih menerangkan perbezaan tujuh wajah tersebut sebagai berikut:

a) Perbezaan ism dari segi bentuk mufrad (tunggal) bentuk muthanna (duaan), bentuk jama' (banyak), bentuk muzakkar (maskulin) dan bentuk Muannath (feminin).

(14) Al-Zarqāniyy, Mañāhil Al-Irfān (m.s 176)

(15) Ibn Kathīr, Fadā'il Al-Qurān (Dār Al Saqāfah, Kaherah 1970 ) (m.s 460)

Seperti firman Allah Taala :

وَالَّذِينَ هُمْ لَا مَأْنَانَ لَهُمْ وَعْدٌ مَوْعِدٌ  
(المؤمنون: 7)

Kalimat amānatihim (آمَانَاتِهِمْ) yang merupakan bentuk jama' dibaca dengan amānatihim (آمَانَتِيْهِمْ) merupakan bentuk mufrad.

(b) Perbezaan di dalam tashrif affal (perubahan kata kerja) dari bentuk mudari (bentuk masa sekarang dan yang akan datang/ present+future tense), bentuk madī (bentuk masa lampau / past tense) dan bentuk 'amr (bentuk perintah/ imperative).

Contoh antaranya ialah :

Kata rabbana ba'id (رَبَّنَا بَاعِدْ) dibaca rabbuna ba'ada (رَبَّنَا بَعَدْ).

(c) Perbezaan dari segi perubahan harakah.

Contohnya antara lain :

وَلَا يُفْتَارَ كَاتِبٌ وَلَا سَهِيْدٌ

Kata yudarrā (يُفْتَارَ) di baca dengan Yudarru (يُفْتَارِ).

(d) Perbezaan dari segi penambahan dan pengurangan.

Contohnya antara lain :

وَمَا خَلَقَ الذِّكْرَ وَالْأُنْثَىٰ

Kalimat di atas dibaca dengan wadah dhakara wal untha  
وَالذِّكْرُ وَالْأُنْثَىٰ .

(e) Perbezaan dari segi mendahulukan dan mengakhirkan.

Contohnya antara lain :

وَجَاءَتْ سَكَرَةُ الْمَوْتِ بِالْحَقِّ

Kalimat di atas dibaca dengan wa ja'at sakaratul haqqi  
bil mauti. ( وَجَاءَتْ سَكَرَةُ الْحَقِّ بِالْمَوْتِ ) Perhati  
kan perubahan al-mauti bil haqqi menjadi al-haqqi bil  
mauti.

(f) Perbezaan dari segi penggantian.

Contohnya antara lain:

وَانْظُرْ إِلَى الْعِظَامِ كَيْفَ نُسْتِرُهَا

Kata nun shizuha ( نُسْتِرُهَا ) dibaca dengan  
nunshiruha ( نُسْتِرُهَا ).

(g) Perbezaan dari segi lajhah seperti fatah, imalah, tarqiq,  
tafkhim , izhar dan idgham.

Contohnya antara lain:

وَهَلْ أَتَكَ حَدِيثُ مُوسَى

Pada lafaz atau ( أَتَكَ ) di baca dengan ate  
( أَتَكَ ) dan kata musa ( مُوسَى ) di baca dengan  
muse ( مُوسَى )

Pendapat yang terakhir ini ialah pendapat Al-Razi  
bahkan mendapat sokongan dari mazhab Ibn Qutaibah, Ibn  
Jazarīyyah dan Ibn Al-Toyyib (16). Begitu pula Al-Zarqaniyyah  
sebagaimana yang di sebut di dalam kitabnya dengan  
dalil-dalil yang cukup kuat.

#### TARJIH

Dari sekalian banyak pendapat ini , pendapat mazhab  
Al-Razie yang lebih menghampiri benar , sebagaimana yang  
dikemukakan oleh Al-Zarqaniyyah di dalam kitabnya  
" Manāhil Al 'Irfān" berdasarkan dalil-dalil yang cukup  
kuat: (17)

- (a) Mazhab ini telah diperkuat oleh hadis-hadis yang  
terdahulu.
- (b) Berdasarkan istiqra' tam dari bermacam-macam qiraat  
dan wajah-wajah yang tujuh sebagai referensinya.

(16) Lihat Itqān Fi Ulūm AL-Qurān (Juzu' 1 : M.S 44 dan lihat  
Dr.Zuzur Kitab Dirāsāt Al-Qurāniyah ( Maktabah Al-Fath.,  
1975, Beirut ) M.S 125

(17) Manāhil Al Irfan (Juzu' 1 : M.S 159 )

(c) Pendapat ini belum dinodai keraguan.

Semua pendapat tentang huruf yang tujuh akan dapat secara sempurna di dalam kitabnya " **Manahil Al 'Irfān** " halaman 165 hingga 177.

Penulis menukilkan intisarinya sahaja dari keterangan Al-Razi sebagaimana dikatakan : Pembicaraan ini tidak keluar dari perselisihan faham tentang huruf yang tujuh .

(a) Perselisihan faham tentang ism mufrad , muthanna , jama' mudhakkir dan muannath.

(b) Perselisihan dalam mentafsirkan fe'il - fe'il iaitu madj, mudari dan amr.

(c) Perselisihan dari segi i'rāb.

(d) Perselisihan di dalam pengurangan dan penambahan.

(e) Perselisihan di dalam taqdim dan ta'khīr.

(f) Perselisihan dalam ibdāl.

(g) Perselisihan dialek seperti fathah dan imalah, tafkhim dan tarqiq, izhar dan idghām dan sebagainya.

## 6. HUBUNGAN QIRAAAT DENGAN DIALEK ARAB

Telah menjadi Sunnatullah, bahawa setiap rumpun manusia mempunyai keistimewaan di dalam berkata-kata. Kultur alam sekitar dan pergaulan memberikan banyak pengaruh terhadap lahirnya keisitmewaan tadi, dialek misalnya , dua bangsa atau lebih yang bertetangga dan serumpun di dalam bahasa Nasionalnya di samping terjadi perkembangan pada bahasanya itu sendiri , juga pada setiap bangsa itu tadi berbeza dialek dalam bertutur kata meskipun kata yang diucapnya itu sama.Hal yang demikian itu,seringkali terjadi di dalam satu kelompok manusia yang kecil , dalam satu propinsi misalnya .

Keadaan itu pula yang dahulu pernah terjadi di dalam masharakat 'Arab atau mungkin masih terjadi sampai hari ini yang mana satu kabilah berbeza dialek daripada kabilah-kabilah lainnya,sementara bahasanya sendiri adalah satu , iaitu bahasa 'Arab . Dialek (lahjah ) yang mashhur di kalangan masharakat Arab antara lain ialah Lahjah Quraish , Hudhail , Hudhail , Thakif , Hawazin , Kinanah , Tamim , Humair , Yaman dan sebagainya. (18)

---

(18) Lihat Sheikh Ahmad Al-Iskandariy , Al-Wasit Fi al-Adab Wa Al-Tarikh , (Dâr Al-Saqâfah , Cairo , 1952 ) m.s 14-15

Di antara sekalian dialek tadi ,lahjah Quraish menepati posisi yang utama di kalangan masharifikat 'Arab dahulu, antara lain disebabkan tempat tinggal kaum Quraish yang strategik iaitu di sekitar Ka'bah yang menjadi central perlaksanaan ibadah haji dan perdagangan.

Kerana kondisi kebahasaan seperti itulah, Rasulullah S.A.W. ketika menerima wahyu Al-Qur'an yang berbahasa 'Arab Quraish , beliau memohon penurunan Al-Qur'an dengan bahasa yang bervariasi supaya umatnya yang masih 'ummi ' tidak mengalami kesulitan di dalam membaca dan memahami Al-Qur'an. Allah S.W.T. mengabulkan permohonan rasulnya . Al-Qur'an diturunkannya di dalam tujuh lajhah 'Arab.

Firman Allah :

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ

Maksudnya: Dan sesungguhnya telah kami mudahkan Al-Qur'an untuk dibaca dan difahami

(Surah Al-Qamar ,54:17)

FirmanNya lagi:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِّعِلْمٍ هُنَّ مُعْقَلُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya kami menurunkannya (Al-Qur'an) dengan berbahasa Arab agar kamu memahaminya.

(Surah Yusuf , 12:2)

Di antara sebutan dan bacaan Al-Qur'an yang berbeza-beza adalah ditinjau dari beberapa aspek yang penting :

(a) Perbezaan lajhah Al-Qur'an itu dirujukkan kepada

urutan perkataan asal. ( أَصْلُ الْإِسْتِقَافِ )

(b) Dirujukkan kepada aspek ilmu Morfologi. ( بُحَارَبَ حَرْفٍ )

(c) Dirujukkan kepada status bunyi. ( تَأْخِيَّةً حَوْنَيَّةً )

#### 1.1 Perbezaan Dialek Al-Quran Itu Dirujukkan Kepada urutan

Perkataan Asal ( أَصْلُ الْإِسْتِقَافِ )

Sebagai contohnya adalah seperti berikut:-

Ya'kifun ( يَعْكِفُونَ )

فَأَتُوا عَلَى قَوْمٍ يَعْكِفُونَ عَلَى اِحْسَانِهِمْ لَهُمْ

الاعراف : 138

Hamzah dan Kisaiyy membaca dengan kasrah kaf, Ya'kifun

( يَعْكِفُونَ ), berasal dari dialek kabilah Asad. Keadaan ini apabila kabilah Asad selalu berkunjung ke Kota Kutah iaitu tempat tinggal Hamzah <sup>dan</sup> Kisaiyy, dua orang tokoh Durra di kota tersebut.

Sedangkan Qura'a lain seperti 'A'sim, Abu Amr, Ibn Kathir dan Nafi' membaca dengan Dammah Kaf iaitu Ya'kufun ( يَعْكُفُونَ ) dengan menggunakan dialek selain daripada kabilah Asad.

ii. La Taqnatū ( لا تَقْنَطُوا )

لَا تَقْنَطُوا مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ -  
الزمر: 53

Abū Amr dan Kisa'iyy membaca Kasrah Nun iaitu La Taqnitū ( لا تَقْنَطُوا ) dengan menggunakan bahasa ahli Hijaz dan Asad. Sedangkan Qurra' mashhur yang lain membaca dengan Fathah Nun, iaitu La Taqnatu ( لا تَقْنَطُوا ), dengan menggunakan bahasa 'Arab selain daripada kedua-duanya tersebut.

iii. Yubash-shiruka ( يُبَشِّرُكُمْ )

إِنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكُمْ بِيَحْيٰ مُحَمَّدًا قَارِئًا كَلِمَةً مِنَ اللَّهِ وَسِيدًا

آل عمران: 39

إِذْ مَلَأَتِ الْمَلَائِكَةُ بِاَمْرِهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكُمْ بِكَلِمَةٍ مِنْهُ

آل عمران: 45

Hamzah dan Kisa'iyy membaca dengan Fathah Ya' dan iskan Ba' dan dammah Shin Mukhaffafah iaitu Yabshuruka ( يُبَشِّرُكُمْ ) dengan menggunakan dialek 'Arab Tahamah. Manakala Qurra' lain membaca dengan Dammah Ya' dan Fathah Ba' dan Kasrah Shin Mushaddadah iaitu Yubash-shiruka ( يُبَشِّرُكُمْ ) dengan menggunakan lahvah Hijaz.

v. Murjauna ( مُرْجُونٌ )

واخرون مرجون لامر الله

نوبه : 106

Ibn Kathīr (qari Mekah), Abū 'Amr (qari Basrah) dan Ibn Āmir (qari Sham), mereka ini membaca dengan Hamzah Madmum Mamduh selepas huruf Jim iaitu Murja'ūn ( مُرْجُونٌ ) dengan menggunakan dialek Arab Tamim dan Qāis. Manakala Qurra', lain dengan Wau Sakinah selepas huruf Jim tanpa hamzah iaitu Murja'ūn ( مُرْجُونٌ ) dengan menggunakan dialek Arab Quraish dan Anṣar.

Banyak lagi contoh-contoh lain yang merujukkan berlakunya perselisihan Qira'at kepada urutan asal perkataan (19)

.2 Perbezaan Lahjah-lahjah Al-Qurān Dirujukkan kepada Aspek Ilmu Morfologi.

Sebagai contoh adalah seperti berikut:

Ar-Ru<sup>c</sup>bu ( الرُّبُعُ ) atau Ar-Ru<sup>c</sup>ubu ( الرُّبُعُ وَ )

Ibn Āmir, Al-Kisā'iyy, Abū Ja'far dan Ya'kub membaca dengan Dammah 'Ain iaitu Ru<sup>c</sup>ubu ( رُبْعُ ) dengan menggunakan lajhah 'Arab Hijāz. Sedangkan para Qurra' yang

19) Lihat Dr. Mohd. Muhaisin , Al-Muhazzab Fi Al-Qira'at Al-'Ashr Juzu' 1 (Matbaah Kaherah , 1980) m.s 250.

lain membaca dengan Iskan Ain iaitu Ru<sup>bu</sup> (رُبُّ ) dengan menggunakan lajhah Arab Tamim, Asad dan 'Omanatul Qais.

Kalimat - Kalimat yang dinyatakan perbezaan bacaan tadi, adalah masdar (nama terbitan) yang mempunyai makna yang sama iaitu takut atau pun gerun .

### 6.3 Perbezaan Lajjah Al-Quran Mengikut Status Bunyi

#### 6.3.1 Takhfif Al-Hamz (خفيف الهمزة)

Ialah meringankan sebutan Hamzah di dalam pertuturan bahasa kerana Hamzah di antara huruf yang paling sukar disebut secara tepat mengikut makhrajnya disebabkan makhraj huruf itu di pangkal halkum. Sifatnya bersuara dan Shiddah . (20)

Oleh itu , setengah kabilah 'Arab tidak mampu menyebutnya secara Taḥqīq kerana keberatannya . Kabilah 'Arab itu ialah yang terdiri daripada masharifik bandar ( Hadari ) . Mereka ini tinggal di sebelah utara dan barat Jazirah termasuk dialek 'Arab Hijāz , Hudhāil serta ahli Mekah dan Madīnah . (21)

---

(20) Lihat Dr. Mohammad Muhaisin , Al-Waqf Wa al-Wasal' ( Matba'ah Kaherah , 1980 ) m.s dan lihat Dr. Abduh Al-Rājihi Lahāżat al-Arabiah Fi al-qira'at Qurāniyah , ( m.s 95 )

(21) Lihat Ibn Man , Lisān AL-Arāb (Juzu' 1: m.s 22)

Mereka yang membaca Tahqiq Hamzah khusus kepada orang-orang Badwi iaitu kabilah 'Arab Tamīm yang tinggal di kawasan tengah dan timur Jazirah 'Arab . Bagi mereka sebutan tersebut mudah dan fasih di dalam pertuturan mereka tanpa menghadapi sebarang masalah .

Kabilah 'Arab yang tinggal di kawasan bandar menyebut Hamzah secara ringan tanpa ada unsur 'stress'. Mereka menggunakan sebutan Hamzah itu melalui method lain seperti Naqal , Tashīl , Ibdāl dan Hazaf.

Di sini diperturunkan beberapa contoh Qiraat Al-Quran dan hubungannya dengan mereka melalui method tadi.

#### Bacaan Naqal .

Qari-qari di kawasan Madinah lebih gemar membaca dengan bacaan Naqal Hamzah berbaris kepada huruf mati sebelumnya, samada Hamzah itu berbaris di atas, di bawah dan di hadapan . Tujuannya untuk meringankan pertuturan mereka . Harakah Hamzah yang berbaris di ambil alih oleh huruf yang sakin sebelumnya.

Contoh:

(a) Harakah Hamzah Fatah sebelumnya Sakin . Contohnya :

Qur'an ( قُرْآن ) menjadi Quran ( قرآن )  
الرَّحْمَنُ عَلَمَ الْقُرْآنَ . الرعن : ١

(b) Hamzah berbaris di bawah huruf sebelumnya Sakin.

Contohnya: Man Istabraq (من استبرق) dibaca  
Manistabraq (من استبرق).

مُنْكِرٌ عَلَى فُرْسٍ تَّهَا مَنْ اسْتَرَقَ

المرجع: 54

(c) Hamzah berbaris di depan, huruf sebelumnya Sakin.

Contohnya : Laqad 'Uhiya (لَقَدْ أُوْحِيَ) dibaca  
Laqadūhiya (لَقَدْ وُحِيَ)

لَقَدْ أُوْحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ حِنْ فِي لَكَ

المرجع: 65

## ii. Bacaan Ibadāt .

Menukarkan Hamzah yang Sakin menjadi Mad sehingga huruf yang sebelumnya dibaca panjang, kalau huruf yang sebelum Hamzah itu berbaris Fathah maka ia dimadkan dengan Alif seperti:

Ya'murukum (يَا مُرُوكُمْ ) dibaca Yamurukum  
(يَا مُرُوكُمْ ).

Kalau sebelum Hamzah itu berbaris Dammah maka ia dimadkan dengan Wau seperti:

Yu'minūn (يُؤْمِنُونَ ) dibaca Yuminūn (يُؤْمِنُونَ )

Sekiranya huruf yang sebelum Hamzah itu berbaris Kasrah maka ia dimadkan dengan huruf Ya' seperti :

Bi'sama (بِسَمَا) di baca bisamā (بِسَمَّا) (22)

فُلْ بِلْسَمَا يَا مُرْكُمْ يَهْ إِيمَانَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ  
بقرة: 93

Bacaan Mad di sini hanya sekadar satu alif atau dua harakat

### iii. Bacaan Tashil dan Hazaf.

Iaitu memudahkan bacaan hamzah yang dua beriring di dalam dua kalimah. Kedua-dua Hamzah berbaris sama, sama ada berbaris Fathah, Kasrah atau Dammah, dibolehkan Tashil pada Hamzah yang kedua sahaja. Contohnya:

(a) Kedua Hamzah berbaris di atas iaitu:

A'anztahum (أَنْذَرْتَهُمْ) dibaca Aanzatatum  
(أَنْذَرْتَهُمْ)  
سَوْدَاءٌ عَلَيْهِمْ أَنْذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنْذِرْهُمْ لَا تُؤْمِنُونَ  
بقرة: 6

(b) Kedua Hamzah berbaris di bawah iaitu :

Hu'ula'i yinkuntum (هُوَلَّا وَإِنْ كُنْتُمْ) dibaca Ha'ula'i yinkuntum (هُوَلَّوْيَنْكُمْ)

(22) Lihat Dr. Muhsin , Al-Waqf Wa Al-Wasal , (m.s 121)

(c) Kedua Hamzah berbaris Dammah iaitu:

Aulia' 'ula'ika (أُولِيَاءُ الْعِلَّةِ) dibaca Aulia'u  
wula'ika (أُولِيَاءُ الْعِلَّةِ)

32 : الْحَمَاف

## 2.2 Ishmam (إِشْمَام)

Iaitu mencampurkan dua huruf atau dua harakat hingga menjadi satu bunyi. Sebutan bahasa dengan gaya Ishmam hanya terbatas kepada Lahjah Qais dan Uqail dan selain daripada Lahjah tersebut pada amnya tidak ada. Di antara ahli Qiraat yang membaca secara Ishmam ialah Hisham dan Al-Kisa'iyy. Khususnya kepada enam kalimat sahaja di dalam Al-Quran seperti Qila (قِيلَةٌ), Ghida (غِيدَةٌ), Siqa (سِيقَةٌ), Si'a (سِيَّةٌ), Ti'a (تِيَّةٌ) dan Hila (حِيلَةٌ).

Hujah mereka membaca Ishmam kerana kalimat-kalimat yang enam tersebut ada yang huruf keduanya berasal daripada Wau. Contohnya seperti Suwiya (سُوِيَّةٌ), Quwila (قُوْلَةٌ), Huwila (هُولَةٌ) dan Suwiqa (سُوقَةٌ).

Contoh bacaan: Wa'idha qila lahum (وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ) dibaca Wa'idha quila lahum (وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ) iaitu mencampurkan antara baris Dammah dan Kasrah.

4505357162

Kalimat-Kalimat tadi ada yang huruf keduanya berasal daripada Ya' iaitu Ghida (غِيدَةٌ) dan Ji'a (جِيَاءٌ).  
(23)

Contoh bacaannya : Ghida al Ma' (غِيدَةُ الْمَاءِ) dibaca Ghuidal Ma'u (غِيدَلُ الْمَاءِ) iaitu mencampurkan baris Dammah dan Kasrah.

### 6.3.3 At-Tahrik dan Al-Iskan .

Bacaan kedua wajah tersebut dapat dilihat dalam Qiraat Al-Qur'an pada lafaz-lafaz yang tertentu sahaja. Contohnya Al-Qudus (الْقُدُّسُ). Ibn Kathir membaca dengan Iskan Dal iaitu Al-Quds (الْقُدُّسُ) supaya ringan sebutannya , sejajar dengan lajhah 'Arab Tamim dan Asad. Sedangkan bacaan Dammah Dal iaitu Al-Qudus (الْقُدُّسُ) adalah mengikut lajhah 'Arab Hijaz.

---

(23) Lihat Dr. Mohammad Muhaisin , Al-Rā'id Fi Tajwid al-Qur'an , (Matba'ah Kaherah , 1982) m.s 40-47

Penulis perturunkan senarai ringkas contoh kalimat Al-Qurān bacaan dengan Tahrikk atau Iskan yang berasal dari lajhah Hijāz , Tamim dan Asad, seperti di bawah :

Lahjah Hijaz (Tahrik)	Lahjah Tamim dan Asad (Iskan)
Juzu'ā ( حُزْعَا )	Juz'ā ( حُزْعَا )
*Uqbā ( عُقْبَا )	*Uqbā ( عُقْبَا )
Rusulunā ( رُسُلُنَا )	Ruslunā ( رُسُلُنَا )
Ukulunā ( أَكْلُنَا )	Ukulunā ( أَكْلُنَا )
Qadarā ( قَدَرَا )	Qadrā ( قَدَرَا )
Suhutū ( سُحُتُّ )	Suhutū ( سُحُتُّ )
*Usurā ( عُسُرَا )	*Usrā ( عُسُرَا )
Nukura ( نُكُرَا )	Nukrā ( نُكُرَا )
Lahabin ( لَهَبِين )	Lahbin ( لَهَبِين )
Khutuwatin ( خُطُوَاتِين )	Khutwatin ( خُطُوَاتِين )
Qudusun ( قُدُسُّ )	Qudsun ( قُدُسُّ )

Lahjah-Lahjah yang berbentuk Tahrik dan Iskan pada kalimat yang sama adalah mempengaruhi ahli Qira'at Al-Qurān.

### ..3.4 Al-Fathah Wa al Imālah.

Al-Fathah ertiinya baris di atas berbunyi [ A ]. Kabilah Arab yang menghayati bunyi tersebut ialah mereka yang tinggal di zon barat Jazīrah termasuklah orang-orang Arab Quraīsh , Ansār , Thakif , Hawazin Sa'ad bin Abī Bakr dan Kinānah. Mereka ini berasal dari bumi Hijāz iaitu Kota Mekah dan Madinah.

Apabila kita selidiki tentang Imām Qiraāt yang datang dari bumi Hijāz seperti Ibn Kathīr dan Nafī' di dalam Qiraat mereka digunakan Al-Fathah bukan Imālah .

Imālah pula bererti baris ganding yang berbunyi di antara Fathah dan Kasrah atau berbunyi huruf [E] . Di antara kabilah Arab yang menghayati bunyi ini ialah mereka yang tinggal di zon tengah dan timur Jazīrah termasuklah suku bangsa Tamīm , Asad , Toi'u , Bakr bin Wa'il , Abdul Qaīs dan Tagħlab. Mereka ini tinggal di Iraq , terutamanya di kawasan kota Kufah dan kota Basrah. Di kedua-dua kota tersebut, lahirnya perkembangan ilmu yang sangat pesat iaitu ilmu-ilmu kajian bahasa dan tatabahasa, ilmu Qiraat, kesusasteraan dan lain-lain.

Lidah mereka di dalam pertuturannya terbawa-bawa dengan sebutan *Imalah* sehingga mempengaruhi *Qiraat* Al-Quran mereka. Di antara *Imām Qiraat* yang membaca dengan *Imalah* ialah mereka yang kebanyakannya dari kota Kufah. Contohnya, *Imām Hamzah* dan *Al-Kisa'iyy*. Kedua-dua *Imām* ini bukan sahaja pakar dalam bidang ilmu *Qiraat* malah pakar dalam bidang ilmu bahasa dan tatabahasa.

Manakala *Imām Qiraat* yang berasal dari kota Basrah seperti *Abū Al-'Alā'*, tidak mengikut cara bacaan mereka. Beliau tidak terpengaruh dengan keadaan persekitarannya walaupun beliau berasal dari kabilah Tamim. Ini disebabkan, beliau mula belajar ilmu *Qiraat* Al-Qurān di kota Hijāz dan terpengaruh dengan gurunya *Ibn Kathir*. Setelah tamat pembelajarannya, dia pulang ke Basrah untuk mengasaskan ilmu *Qiraat* Al-Qurān. Bertitik tolak dari sini, perbezaan *Al-Qiraat* semakin meluas di antara dua kota sehingga membabitkan kontroversi di dalam menetapkan sebahagian kaedah ilmu tatabahasa.

Imām Ḥasim ialah imām Qiraāt yang mula-mula lahir di kalangan mereka . Ia berasal dari kota Kufah . Semasa hayatnya , hidupnya di sana berada di dalam keadaan stabil , belum wujud lagi persaingan hebat di antara Tokoh-tokoh Qiraāt dan bahasa di antara kedua kota tersebut . Beliau tidak terpengaruh dengan bacaan Al-Qurān mengikut pelat bahasa daerahnya iaitu Imālah meskipun ia berasal dari kota Kufah.

Mengikut sejarah , beliau mula belajar Al-Qurān dari Abū Abdullāh Rahmān yang mempelajarinya dari Uthmān bin Affān R.A dan Ali bin Abū Tālib R.A. Mereka ini pula belajar secara langsung dari Rasulullāh S.A.W . Di antara murid Imām Ḥasim ialah Hafās yang mana bacaannya paling popular di dunia Islam termasuk di Nusantara.

Hafās adalah Qari yang paling fasih di dalam lahirah Quraish yang mana qiraāt Al-Qurānnya paling 'standard' dan mudah diikuti oleh semua peringkat manusia.

### .3.5 Idghām

Mengikut istilah moden dipanggil Assimilation manakala di dalam istilah ilmu Tajwid Al-Qurān , ia bererti memasukkan huruf pertama ( Sakin ) ke dalam huruf kedua ( berbaris ) apabila bertemu huruf yang sama atau huruf yang berlainan tetapi sama sifat atau makhrajnya.

Lahjah - lahjah 'Arab yang tinggal di Iraq pada umumnya mirip kepada Idghām iaitu suku kaum Tamīm . Toi'u, Asad, Bakr bin Wā'il, Tagħlib dan Abdul Qaīs. Penyebutan tersebut adalah untuk mencepatkan pertuturan mereka . Sedikit sebanyak ia terpengaruhi dengan bunyi-bunyi variasi bahasa yang berdekatan . Kesan Idghām itu jelas dilihat di kalangan masyarakat Badwi dengan kabilah-kabilah yang lain yang sering berpiadah-randah dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Iraq dikenali dengan suasana yang baik dan tanahnya yang subur jika dibanding dengan kawasan-kawasan lain di Jazīrah. Dengan itu, ramai pengunjung-pengunjung yang terdiri daripada kabilah-kabilah luar datang ke Iraq. Hasil dari <sup>pada</sup> interaksi sosial, timbullah satu fenomena baru yang saling pengaruh -mempengaruhi tentang penyebutan bahasa mereka.

Di dalam konteks Qira'at Al-Qur'an , qari-qari dari kota Kufah , Baṣrah dan Shām yang banyak terpengaruh dengan pertuturan secara Idghām.

#### 6.3.6 Izhār.

Kabilah Arab dibahagi kepada dua kumpulan , satu kumpulan yang tinggal di Iraq yang lebih cenderung kepada Idghām dan satu kumpulan yang lain yang tinggal di bumi Hijāz lebih condong pertuturan mereka kepada Izhār termasuklah dialek Quraish, Al-Anṣār dan Hudhāil.

Di antara imām Qurra' yang menggunakan bacaan Izhār di dalam Qira'atnya ialah Ibn Kathīr , Nafī' , Abū Ja'far , 'Āsim dan Ya'qūb . Mereka ini adalah Qurra' yang berasal dari kota Hijāz kecuali 'Āsim dan Ya'qūb yang berasal dari kota Kufah . Kedua-dua ini lebih konsisten bacaannya mengikut bacaan ahli Hijāz berbanding dari mengikut bacaan berdasarkan dialeknya sendiri (Kufah).

Pada amnya , masharakat Iraq di dalam pengajaran bahasanya lebih suka kepada Idghām, sedangkan masharakat Hijāz di dalam pertuturan bahasanya lebih gemar kepada Izhār. (24)

Pembuktian kedua aliran pertuturan tersebut berbeza bunyinya dapat dilihat daripada para Qurra' mereka iaitu melalui Qira'at mereka . Contoh - contohnya akan dinyatakan di dalam bab yang kedua akan datang.

---

4) Lihat Dr. Ibrahim Anis , Fi Al-Lahajat Al-'Arabiah ,  
(m.s 70-80)

SAL KEDUA: ADAKAH HURUF YANG TUJUH WUJUD DALAM MUSHAF  
SEKARANG?

REAKSI PENDAPAT ULAMA'

- (a) Segolongan Fuqaha' , Ulama' Qiraat dan Mutakallimin berpendapat bahawa huruf yang tujuh itu terdapat di dalam Mushaf Othmani dengan hujah: (25)
- i. Bagi semua umat tidak boleh mengabaikan penukilan nya.
  - ii. Para sahabat berkata bahawa ,Mushaf yang diriwayat kan oleh Othman itu diambil dari lembaran-lembaran yang ditulis oleh Abu Bakar R.A.
  - iii. Lembaran-lembaran yang ditulis Abu Bakar mencakupi semua huruf yang tujuh , dan dinukil ke dalam Mushaf Othmani dengan dialek yang tujuh pula.
  - iv. Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud : " Sesungguhnya umatku tidak mampu melakukan itu , tidak hanya berlaku semasa zaman sahabat. Di samping itu, ia menunjukkan kekekalan dipermudahkan Al-Qur'an dan Ijaznya .

---

5) Lihat Jaluddin Al-Sayutiyy Al Itqan Juzu'1 (m.s 49)  
Lihat Al Zarqaniyy Manahil Juzu'1 (m.s 161)

(b) Mengikut Jumhur Ulama ' Salaf dan Kahfaf serta imām-imām Muslimin bahawa , Muṣḥaf Othmani mencakupi Huruf yang tujuh itu yang terkandung di dalam tulisannya itu sahaja dan mencakupi ungkapan Rasulullah yang terakhir kepada Jibril. (26)

(c) Ibn Jarīr Al-Tobariyy beserta pengikutnya berpendapat bahawa , Muṣḥaf Othmāni hanya mencukupi satu huruf sahaja dari huruf-huruf yang tujuh.

Mereka berkata bahawa , huruf yang tujuh itu berlangsung pada zaman Nabi S.A.W, Abū Bakar dan Umar, sedangkan pada zaman Othmān hanya cukup mempergunakan satu dialek sahaja sebagai menyatupadukan umat Islam , dan Muṣḥaf Othmani yang hanya dengan satu dialek ini telah ditetapkan oleh semua umat. (27)

---

(26) Ibn Jazarie , Al-Nashr Fi Al-Qirā'at: al 'ashr Juzu'1  
(Darul Fikr , Cairo , 1986 ) m.s 31

(27) Lihat Ibn Jarīr Al-Tobariyy , Tafsir Al-Tobariyy Juzu'1:  
m.s 57

## 2. SANGGAHAN MAZHAB AL-TOBARIYY

Imam Al-Tobariyy berkata bahawa , dialek yang enam dihapus berdasarkan ijma' pada zaman Othman . Hal ini bermaksud untuk menjaga perpaduan umat Islam , kerana dikhuatiri akan retak ketika berlakunya pengkafiran antara sesama mereka dan fitnah disebabkan oleh perbezaan Qiraat.

Oleh itulah , maka mereka tidak mendapatkan titik persamaan tentang permasalahan ini kecuali mereka bersepakat untuk membaca dengan satu jenis dialek sahaja .

### JAWAPAN SANGGAHAN

- i. Pada zaman Rasulullah , para sahabat berselisih saham dalam masalah Qiraat , bahkan hampir sahaja terjadi fitnah . Oleh itu , bagaimana Rasulullah mengatasinya masalah ini .

Satu-satu jalan pemecahannya ialah , bagi para pembaca yang berselisih saham harus mengatakan persefakatan untuk membaca menurut pendapat mereka sesuai dengan kadar kemampuan masing-masing dalam memahaminya . Ingatlah bahawa banyaknya wajah-wajah bacaan adalah satu rahmat dari Allah dan kemudahan bagi mereka , sebagaimana ditegaskan dalam hadis sebelumnya .

ii. Berdasarkan beberapa hadis yang lalu ,yang maksudinya:  
" Sesungguhnya umatku tidak mampu melakukan itu ",  
sedangkan umat baginda kekal hingga hari kiamat.

Sebagaimana yang kita saksikan sekarang, sebahagian  
umat Islam masih ada yang belum lagi mempunyai  
fasiliti untuk membaca dengan sebahagian dialek itu ,  
dan sebahagian dialeknya tidak mencapai kesempurnaan  
tanpa bantuan yang lain.

iii. Setelah semua hal tersebut di atas dimaklumkan,  
bagaimana mungkin para sahabat Rasulullah,terutamanya  
Othman bertindak sebagai pelopor atau membendung  
pintu rahmat dan kemudahan yang telah dibuka seluas-  
luasnya oleh Allah untuk semua umat Islam ,mungkinkah  
mereka akan membelakangi method penyelesaian yang  
diajarkan Rasulullah ?

iv. Sesungguhnya kita sangat bangga dengan para sahabat  
Rasulullah yang telah bersepakat atau ikut serta  
memikirkan bagaimana risikonya seandainya dihapuskan  
dialek yang enam . Oleh kerana itulah mereka tidak  
berkontradikasi dengan Rasulullah dalam segala  
perkataan dan perbuatan.

v. Andaikan dialek-dialek tersebut dihapus pada masa Othman nescaya tidak akan wujud perselisihan pendapat antara para ulama dalam hal tersebut , tetapi bagaimana dengan kenyataan yang kita saksikan dewasa ini , di sanasini pendapat-pendapat telah muncul sehingga mencapai lebih kurang 40 pendapat mengikut

keterangan Al - Imām Jalaluddin dalam kitabnya "Al-Itqan". (2B)

vi. Sekiranya kita dituntut untuk berdebat , bahawa dialek yang enam itu dihapuskan pada zaman Othman , mengapa kita tidak dapat memperbincangkan sejarahnya sahaja yang terdapat di dalam Al-Qur'an yang suci itu ? Padahal para sahabat telah jelas menerangkan ayat-ayat yang telah dinasakhkan baik dari segi bacaanya atau hukum-hakamnya , demikian pula hadis-hadis yang maudū' mereka telah menerangnya dari pelbagai aspeknya.

vii. Ringkas kata , para sahabat tidak rela membelakangi Rasulullah , baik dalam kata-katanya atau pun perbuatannya . Mereka juga tidak berani merubah atau menasihkan sesuatu selain apa yang telah dinasakhkan oleh Al-Quran , kecuali mereka mengemukakan data-data yang sama.

---

(2B) Jalaluddin Al-Sayutiyy , Al-Itqān Fi Ulūm Al-Qurān  
Juzu' 1) m.s 45

4. BEBERAPA MASALAH SHUBAHAT YANG DITUJUKAN KEPADA TOPIK DAN JAWAPANNYA

Shubahat Pertama:

Mereka berkata bahawa apa yang dimaksudkan dengan huruf yang tujuh ialah Qirā'at yang tujuh macam , yang diriwayatkan oleh imam yang tujuh yang terkenal di kalangan ahli-ahli Qirā'at .

Jawapannya:

Ditinjau dari beberapa segi pendapat ini tidak benar :

i. Sabda Rasulullah S.A.W:

إِنَّهُدَّالْقُرْآنَ أُنزَلَ عَلَى سَبْعَ حُرُوفٍ

ERTINYA : Sesungguhnya Al-Qurān ini diturunkan dengan tujuh huruf. (29)

(29) Sahih Al-Bukhārī Fadail Al-Qurān Jilid 5 (m.s 37)

Mengikut Ibn Al-Jazariyy beliau berkata, " Andaikan maksud hadis itu kepada imām yang tujuh beserta bacaannya yang mashlikūt itu , yang lahir selepas Tabi'īn, maka hadis di atas tidak berfungsi sehingga ketujuh-tujuh imām itu dilahirkan, dan setelah itu baru penerapan Qiraat tersebut.

Dengan itu , para sahabat tidak boleh membaca kecuali dengan bacaan yang telah dipilih dan dipelajari dari ketujuh imām tersebut setelah mereka dilahirkan dan ungkapan ini tidak benar, sebab bacaan harus diambil dari imām secara kukuh dari satu lafaz dan dari seorang imām yang lain sehingga bersambung dengan Nabi S.A.W (30)

ii. Huruf yang tujuh sebenarnya lebih luas ertinya daripada Qiraat yang tujuh mutlak . Ini disebabkan oleh , huruf yang tujuh mencakupi Qiraat yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad S.A.W , dan bacaan yang sampai kepada imam yang tujuh , beserta bacaan yang belum dinasakhkan sebelum sampai kepada mereka. Semua Qiraat tersebut telah teratur di antara yang sahih dan yang mungkar dan yang eksentrik ( Shazali ) maka selama huruf yang tujuh lebih umum dari Qiraat yang tujuh , tidak dapat ia dikatakan sebagai Qiraat secara tersendiri.

---

(30) Ibn Al Jazariyy, *Al-Nasyr Fi al-Qiraat*. 'Ashr (Juzu, 1)  
m.s 21

iii. Suatu hal yang tidak rasional bagi Rasulullah S.A.W mewajibkan para sahabatnya untuk membaca Al-Qur'an dengan bacaan Qurra' yang belum berupa manusia pada masa itu. Ini jelas tidak benar.

Shubhat kedua :

Mereka berkata , " Sesungguhnya hadis-hadis mengenai penurunan Al-Qur'an dengan tujuh huruf hanya menimbulkan perselisihan yang tidak berkesudahan , sedangkan Al-Qur'an sendiri tidak mengkehendaki perselisihan . Ini berdasarkan firmanNya:

أَعْلَمُ بِتَحْرِيرِهِنَّ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ حِلْمًا لَّهُ حَدَّوْا  
فَسِنَةً إِلَّا خَيَّلَهَا كَثِيرٌ

Artinya : Apakah mereka tidak memperhatikan Al-Qur'an ?

Sekiranya Al-Qur'an itu bukan dari Allah , tentunya mereka mendapatkan perselisihan yang banyak di dalamnya .

Surah Al-Nisâ' :82 \*

Ini adalah satu kontradiksi , dan kita tidak tahu mana yang lebih benar antara keduanya .

Jawapannya:

✓

Perselisihan yang ditetapkan hadis di luar apa yang  
dikehendaki Al-Qur'an , kedua-duanya sama benar . Sebab  
pertentangan yang ditetapkan hadis berkait dengan masalah  
method perlaksanaan dan ekspresi dengan lafaz-lafaz Al-  
Qur'an dalam batasan yang tertentu , tidak terkeluar daripada  
huruf yang tujuh iaitu dengan sharat bacaan tersebut  
datangnya dari Nabi S.A.W

Dengan demikian , perselisihan pada hadis tersebut  
bermaksud dengan kepelbagaian bacaan , sedangkan Al-Quran  
menghapuskan perselisihan antara hukum-hukumnya , ma'ani  
dan ajaran-ajarannya dengan kepelbagaian di dalam matalaz  
dan melakukannya. (31)

---

(31) Al-Zarqāniyy, Mañāhil Al'Irfān ( m.s 179 )

## 5. KESIMPULAN

Al-Zarkashiy berkata di dalam kitabnya " Al-Burhan " bahawa , sebahagian orang-orang yang datang kemudian berkata :

Qiraat yang tujuh yang dibaca oleh para Imam yang tujuh itu benar , semuanya dari Nabi S.A.W dan itulah yang dihimpun oleh Othman di dalam mushafnya , dan semua Qiraat itu adalah hasil pilihan mereka.

Mereka masing-masing memilih satu macam Qiraat yang telah diriwayatkan dan dipelajari iaitu yang paling baik menurut mereka , kemudian menetapkan yang satu itu , lalu diriwayatkannya dan mengajarkannya.

Akhirnya , Qiraat itu terkenal dan dinisbahkan kepada orangnya itu , maka dinamakan "Qiraat nafi" dan "Qiraat Ibn Kathir"; tidak satu pun di antara mereka yang melarang dan membenci Qiraat yang lain , bahkan mengatakan baik.... dan seterusnya hingga katanya: " Semua kaum Muslimin pada masa sekarang bersepakat pada Qiraat mereka , dan turunnya Al-Quran dengan tujuh huruf adalah satu keleluasan dari Allah dan rahmat bagi semua umat . Dan andaikan setiap golongan di antara mereka menekankan untuk meninggalkan bahasanya bagi mengambil alih kepada suatu tradisi yang

berlaku kepada mereka , nescaya akan menyukarkan mereka seperti ketika membaca Imālah , Tashīl , Tafkīm , Tarqīq mād dan sebagainya ." (32)

---

(32) Al-Zarkashiyy, Al-Burhan Fi Ulum Al-Quran Juzu' 2 m.s 93

## SAL KETIGA: JENIS-JENIS QIRAAAT YANG TERKENAL

### DEFINISI AL-QIRAAAT.

Al-Qiraaat adalah perkataan jama' dari qiraah (قراءة) isim masdar dari (قراءة بعْرَةٌ قراءة). Menurut istilah : Ialah satu aliran di dalam membaca Al-Qurān yang ditetapkan oleh seorang Imām ahli Qurra' dengan sanad yang kukuh kepada Rasulullah S.A.W dan berbeza dengan mazhab-mazhab lain. (33)

Dalam definisi yang kedua , Qiraaat iaitu suatu aliran Al-Qurān yang diikuti oleh Imām-imām Qurra' yang berbeza dalam membaca Al-Qurān serta perbezaan itu telah disepakati oleh perawi-perawi Al-Qurān dan Turuq( مُلْرُق ) baik perbezaan itu dalam pengucapannya ataupun keadaan hurufnya . (34)

Selain daripada definisi tersebut di atas masih banyak lagi definisi yang dikemukakan oleh para Imām Qirāat yang isinya senada dengan definisi tersebut.

---

(33) Muhammad Ali Al-Sabūni, Al-Tibyān Fi Ulūm Al-Qurān  
m.s 249

(34) Al-Zarqāniyy, Mañāhil al-'Irfān Juzu' 1 m.s 45.

Jelaslah apa yang dimaksudkan *Qiraat* ialah satu aliran mengenai bacaan Al - Qur'an yang mempunyai sanad yang mutawatir dari Nabi Muhammad S.A.W hingga sampai kepada murid-muridnya dan tidak diragukan kebenarannya .

Al-Zarqāniyyy di dalam definisinya menjelaskan bahawa, perbezaan itu di dalam pengucapan huruf dan keadaan bentuk huruf, tentu sahaja hal ini mempunyai erti bahawa masing-masing Imām *Qiraat* yang telah diakui kemashhurannya dalam pengucapan hurufnya , tetapi yang dimaksudkan berbeza-beza itu bukan bererti tiap-tiap huruf pasti berbeza dengan yang lain , melainkan ada kalimat - kalimat tertentu yang ada perbezaannya , sedangkan perbezaan itu bermacam-macam sebabnya tetapi tidak keluar dari sumber , iaitu berasal dari Nabi Muhammad S.A.W itu sendiri yang kesemuanya ber titik tolak dari Hadis nabi yang bermaksud , "Sesungguhnya Al-Quran itu diturunkan atas tujuh macam bacaan , maka bacalah mana mudah daripadanya. " (35)

---

3) Dr. Subhi Salih, Mabāhith Fī ʻUlūm Al-Qur'an  
(Penerbit Dār Maṭayin , Cetakan Kelapan) m.s 110

سُنْدَهُ أَحْرَفٍ ✓

Kalimat sab'atu Ahruf ( سُنْدَهُ أَحْرَفٍ ) masih banyak perselisihan faham di kalangan para ulama', dengan demikian tersangat luas pengertian perbezaan cara membaca Al-Qur'an dari segi sebutan bunyinya . Ini adalah kerana ia dipengaruhi oleh perbezaan dialek dalam lingkungan varian bahasa 'Arab , sehingga lain dialek lain pula pengucapannya Perlu diingat , bukan sama sekali tiap-tiap huruf Al-Qur'an atau kalimatnya dibaca dengan tujuh macam . Terdapat juga kalimat-kalimat Al-Qur'an yang dibaca dengan selaras tanpa berbeza bunyi sebutannya seperti mana berlaku dalam per tuturan bahasa Malaysia di antara negeri-negeri di pantai timur dan barat. Varian dialek ada yang sama sebutan bunyinya dan ada yang hampir-hampir sama , yang mana ia tidak sama sekali menjelas struktur ilmu nahu dan sehubungannya.

#### WUJUDKAH AL-QURRA' PADA ZAMAN SAHABAT ?

Ya ada , zaman Qurra' yang telah berhasil membangkitkan manusia membaca Al-Qur'an menurut cara-cara mereka , berdasarkan masa sahabat .

Di antara para sahabat yang terkenal sebagai Qurra' ialah : Ubai R.A , Ali R.A , Zaid bin Thabit R.A , Ibn Mas'ud R.A , Abū Mūsa Al-Ash'ārī R.A dan lain-lain.

Dari padanya merekalah umumnya para sahabat dan Tabi'in di pelbagai negara mengambilnya dan disanadkan kepada Rasulullah S.A.W , hingga datangnya masa Tabi'in pada seratus tahun pertama , kemudian timbul suatu kaum yang menspesialisasikan dirinya dalam belajar dan membacanya , bahkan akhirnya menjadi suatu ilmu yang dipelajari sebagai mana ilmu-ilmu Shariat lainnya.

#### PROSES MUNCULNYA QIRAAAT

Sebagaimana disebut dalam hadis nabi riwayat dari Umar bin Khattab di dalam fasal pertama , bahawasanya timbulnya Qiraat bertitik mula dari peristiwa Umar bin Khattab yang berbeza pendapat dengan Hisham bin Hakim . Jalan ceritanya seperti berikut:

Umar tidak berpuas hati terhadap bacaan Hisham sewaktu dia membaca surah Al-Furqan di waktu sembahyang, yang mana bacaan tersebut menurut Umar adalah tidak benar , ber tentangan dengan apa yang diajar oleh Nabi S.A.W kepada nya . Akan tetapi menurut Hisham bin Hakim , bacaan tersebut juga dari Nabi . Hampir-hampir Umar menyembunyikan ketika Solat kerana marah , namun akhirnya Umar sabar menunggu sampai selesai . Sesudah solatnya , Hisham diajak mengadap kepada Nabi S.A.W seraya melaporkan peristiwa tersebut . Kemudian Nabi S.A.W menjawab atas laporan itu dengan menyuruh Hisham mengulangi bacaannya dalam solat

tadi . Setelah didengar bersama-sama maka Nabi S.A.W bersabda yang bermaksud: Memang begitulah Al-Qurān di turunkan ( seperti dibacakan oleh Hishām benar dan apa yang dibaca oleh Umar juga benar)." (36)

Demikianlah sejarah singkat bagaimana terjadinya perkembangan Qira'at . Setelah peristiwa tersebut , semakin luaslah para sahabat menyebarkan Qira'at ke segenap pelosok Jazirah Arab sehingga sampai kepada ulama'-ulama' Qur'a' yang terkenal hingga sekarang . Ada yang menyebarkan hanya satu aliran mazhab sahaja sesuai dengan apa yang mereka perolehi dari Nabi S.A.W dan ada juga yang menyebarkan dua atau tiga aliran menurut kemampuan masing-masing.

Betapapun Qira'at iatu didahului dengan perbezaan yang kecil kemudian menuju kesepakatan atas kebenarannya, namun perbezaan pendapat tentang banyaknya jenis bacaan itu adalah tauqifi ( تُقْسِيْتٌ ).

Menurut sejarah timbulnya kegiatan penyebaran Qira'at Sab'ah bermula dari zaman Tabi'in , iaitu pada awal abad kedua hijrah yang mana orang-orang yang hafal Al-Qurān sudah banyak bertebaran disegenap negara Islam . Mereka ( para Huffaz ) lebih suka mengemukakan guru masing-masing yang bacaannya agak berbeza dengan guru-guru yang lain.

---

6) Dr. Subhi Salih , op cit (m.s 110)

Sebab-sebab perbezaan itu adalah kerana pendengaran dan loghat satu kabilah (suku) berbeza dengan yang lain , misalnya mengenai zawaat al ya' atau kalimat yang mempunyai ya' di akhirnya seperti lafaz Adduhe (الفعى) dan sebagainya.

Para ahli qurra' berbeza cara menyebutnya. Contohnya Imām Hamzah dan Al-Kisaiyy membaca dengan Imālah, sedangkan Imam Warash membaca dengan Taqlīl (Imālah Sughra) . Ini tidak banyak berbeza dengan ucapan loghat-loghat utara d. n selatan di Malaysia. Contohnya "Besar" , dialek orang-orang di sebelah Utara menyebutnya dengan "Besaq" . Manakala di sebelah Timur khususnya di Kelantan sebutannya " Besa ". Orang di negeri Melaka pula menyebutnya dengan "Besau" dan banyak lagi contoh-contoh sepertinya.

#### 4. JENIS-JENIS QIRAAAT DAN BILANGANNYA.

Pengarang Kitab Al-Itqān menyebutkan bahawa Al-Qirāāt itu terbahagi kepada : Mutawātir , Mashhūr, Aāhād, Shādh, Māidū' dan Mudrij.

Qirāāt Mutawātir adalah qirāāt tujuh yang telah mashhur dan Qirāāt Al-Ahad adalah Qirāāt yang tiga , sebagai melengkapi Qirāāt sepuluh yang termasuk di dalamnya Qirāāt sahabat dan Shadhpula ialah Qirāāt Tabī'īn seperti Al-A'mash Yahya bn Wathāb dan Ibn Jubair d. n banyak lagi.

Mengikut Al-Sayutiyy mengatakan bahawa Sheikh Abd Khair Al-Jazariyy adalah Imām Qurra' yang paling baik dalam menganalisa hal tersebut . Al-Jazariyy berkata di dalam kitabnya ' Al-Nashr Fi Al-Qiraat Al-'Ashr ' setiap Qiraat itu sesuai dengan bahasa Arab walaupun hanya dengan satu wajah , dan Qiraat itu salah satu Maṣḥaf Othmāni dan dari segi sanadnya mutawātir . Ia dianggap Qiraat yang betul dan tidak boleh ditolak atau diingkari, malah Qiraat itu adalah dari tujuh huruf yang di wahyukan oleh Allah (37) wajib manusia menerimanya sama ada dari imām yang tujuh atau pun yang sepuluh bahkan dari imām-imām lainnya yang maqbūl .

Apabila Qiraat tersebut cacat dari salah satu rukunnya maka dikira Shādh dan Bātil . Inilah yang benar menurut penganalisaan oleh para imām salaf dan khalf . (38) Contohnya membaca baris atas pada kata nama yauma pada Maliki Yauma Addin ( ملک يوم الدين )

Maksud Qiraat ini dinisbahkan kepada Imām Yang tujuh , iaitu Imām Nafi' dari Kota Madinah, Imām Ḥasim, Hamzah dan Al-Kisaiyy dari Kota Kufah , Imām Abdullah bin Kathir dari Kota Mekah , Imām Abū 'Amr Al-Ālā' dari Kota Baṣrah , Imām Abdullah bin Ḥamīd dari Kota Damshik, Shām .

(37) Ibn Jazariyy, Al-Nashr Fi Al-Qiraat Al-'Ashr (Juzu 1) m.s 27.

(38) Al-Zarqāniyy, Mañāhil Al 'Irfān (Juzu' 1) m.s 409.

Qirā'at sepuluh ditambah oleh Imām Abū Ja'far , Ya'kub dan Khalaf, Qirā'at 14 pula ditambah oleh Al-Hassan Al-Basri, Ibn Maħasin , Yahya Al-Yazīdī dan Al-Shambūdhiy .

Sehubungan dengan banyaknya Qirā'at tadi Al-Qattān berkata , Qirā'at yang tujuhlah paling Asah ( صحیح ) dan mashhur disepakati oleh sekalian ulamak. (39)

#### PELOPOR PERTAMA DALAM KLASIFIKASI QIRĀ'AT.

Ilmu Qirā'at pertama tadi disusun oleh Abū Ubaid Al-Qasim bin Sallām (40) lalu disusuli oleh Ahmad bin Jubair Al-Kufiyy. Kemudian Ismail bin Ishak Al-Malikiyy, kemudian oleh Abu Bakar Muhammad bin Ahmad bin Umar Al-Dājurīy, kemudian oleh Abu Bakar bin Mujahid . Sesudah mereka penyusunan ilmu Qirā'at semakin meluas dan berkembang baik memuatkan semua Qirā'at atau pun yang membahaskan satu Qirā'at secara terperinci atau dengan huraian yang luas . Dengan demikian para Imām Qirā'at semakin banyak tidak terkira.

Al-Hafiz Abu Abadillah Al-Bihābī menyusun sebuah kitab yang membuat Gredasi (Tabaqāt) para imām tadi. Penyusunan dengan cara ini juga diikuti oleh Al-Hafiz Abd. Khair bin Al-Jurjīyy(41)

- 
- 9) Al-Qattān, Mabāhith Fi Ūlūm Al-Qurān m.s 172
  - 10) Tarikh mati 157-224 Hijrah bersamaan 771-830 Masihi  
Lihat Kharuddin Ozzirkali Al-Ālām Jilid 5 m.s 176
  - 11) Al-Sayutiyy , Al-Itqān Fi Ūlūm Al-Qurān Juzu'1 m.s 73

## PENGUMPULAN QIRAAAT DAN JALAN PENGAMBILANNYA

Qirā'at tujuh terkenal sejak awal tahun dua ratusan dalam era Islam. Ketika itu penduduk Baṣrah mengambil Qirā'at Abū 'Amr Al-Āla' Ya'kūb. Penduduk Kufah mengambil Qirā'at Hamzah dan Fāsim, penduduk Shām mengambil Qirā'at Ibn 'Āmir. Penduduk Mekah mengambil Qirā'at Ibn Kathīr. Akhir sekali penduduk Madinah mengambil Qirā'at Imām Nafīs.

Pada akhir kurun ketiga, Qirā'at mulai dihimpun di Kota Baghdaḍ yang dipelopori oleh Imām Ibn Mujaḥid Ahmad bin Muṣa bin 'Abbaś. Ia menghimpun semua Qirā'at imām-imām yang tujuh.

Ibn Mujaḥid bersumpah kepada dirinya sendiri untuk tidak meriwayatkan kecuali dari orang yang telah Dabit (منكِبَةٍ), dipercayai (شَفَقَةٍ), lama pengalamannya dan kesepakatan pengambilan dan penerimaannya.

## PENGENALAN RINGKAS TENTANG IMAM AHLI QIRAAAT YANG TUJUH

### Pertama: Ibn Kathir

Nama selengkapnya Abu Ma'bād Abdullāh bin Kathīr Al-Makkīyy. Seorang Imām Qirā'at Mekah, dia dilahirkan di Mekah pada tahun 45 Hijrah bersamaan dengan tahun 665 Masihi. Beliau meninggal dunia pada tahun 120 Hijrah bersamaan dengan tahun 783 Masihi.

Ibn Kathir belajar Al-Qur'an dan Qiraat dari Abi Sa'ib  
Ibn Sa'ib dari Ubai bin Kaafab dari Umar Ibn Al-Khattab  
menerima Qiraat dari Rasulullah S.A.W.

Beliau adalah seorang guru Qiraat yang sangat fasih  
dan baligh di Mekah , pernah bertemu dengan beberapa  
sahabat di antaranya Abdullah Al-Ansariy dan Anas bin  
Malik . Beliau juga pernah menjadi Qadi di Mekah (42).

Di antara muridnya yang mashbur sebagai perawi  
Qiraatnya ialah:

- (a) Al-Bazi . Nama lengkapnya Ahmad bin Al-Qasim . Beliau  
adalah Imām dan Muadhdhin Masjid Al-Harām.
- (b) Qambul . Nama selengkapnya ialah Mohammad bin Abdur  
Rahman bin Mohammad Al-Makhzumiyy,

Kedua: Abu 'Amr

Abu 'Amr Zabban bin Al-'Alā' bin Al-Mazini Al-Basri  
adalah seorang Syeikh Al-Ruwah ( شیخ الرؤاہ ). Ada yang  
berkata namanya ialah Yahya , ada yang mengatakan itu  
gelarannya .

- 2) Shamshuddin Al-Jazariyy , Ghayah Al Nihayah , Juzu'1  
(Percetakan Al-Saadah , Mesir , 351 H ) m.s 453.

Beliau dilahirkan pada tahun 68 Hijrah di Mekah Al-Mukarramah dan dibesarkan di Kota Baṣrah dan kemudinya meninggal dunia di Kota Kufah pada tahun 154 Hijrah . Beliau adalah ketua Bani Al-'Anbār . Abu 'Amr belajar Al-Qurān pada suatu Jama'ah ahli Qira'at . Di antara mereka ialah Abu Ja'far Yazid Al-Qaṣīf (الْمَعْقَل) dan Hassan Al-Basri . Kedua orang ini belajar ilmu Qira'at daripada Khāṭṭab bin Abū Al-Āliah , sedangkan Al-Āliah belajar Qira'at dari Umar bin Al-Khaṭṭab dan Ubai bin Ka'b yang kedua-duanya belajar Qira'at dari Rasulullah .

Abū 'Amr adalah seorang guru Qira'at yang dikagumi oleh beberapa orang ulama' untuk belajar Qira'at dengannya .

Sufian bin 'Uyainah pernah meriwayatkan bahawa pada suatu malam dia bermimpi melihat Rasulullah S.A.W lalu ia bertanya kepada beliau , "Ya Rasulullah , di antara sekian banyak Qira'at Al-Qurān , maka Qira'at siapakah yang engkau suruh saya mempelajari . Maka sabda Rasulullah , "Pelajarilah Qira'at Abū 'Amr Al-Āliah " (43)

---

(43) Shamsuddin Al-Jazarie , Ibid (m.s 288)

✓  
Perawi yang paling mashhur dari Qiraatnya ialah:

(a) Al-Duri . Nama selengkapnya ialah Abu 'Amir Hafas bin Umar bin Abdul Aziz Al-Uzdi Al-Baghdadiy Al-Duri ialah nama suatu tempat kira-kira terletak di Timur Barat Kota Bagdad . Beliau adalah seorang ahli Nahu yang buta , meninggal dunia pada tahun 246 Hijrah.

Beliau adalah seorang guru Qiraat yang terkenal pada zamannya yang mula-mula mengumpul ilmu Qiraat. Ia mempelajarinya dengan gurunya Abu 'Amr bin Al-Ala' melalui Yahya bin Al-Mubarak , termasuk Ibnu Kathir di Hijaz dan Iraq . Mujahid bin Jabriy belajar dari Ibn 'Abbas dan juga dari Ubai bin Ka'ab dari Nabi S.A.W .

(44)

(b) Al-Susi. Nama selengkapnya ialah Abu Shuib Salleh bin Zaid . Al-Susi ialah nama suatu tempat di Ahwāz. meninggal dunia pada tahun 261 Hijrah.

---

(44) Abu Bakar Al-Baghdadiy, Tarikh Al-Baghdadiy Juzu'1  
(Percetakan Al-Sa'adah , Mesir , 1349 H ) m.s 410.

### Ketiga: Hamzah Al-Kufiyy

Hamzah Al-Kufiyy . Nama lengkapnya ialah Hamzah bin Habib bin Imarah. Panggilannya ialah Abu Imarah . Dilahirkan pada tahun 80 Hijrah bersamaan tahun 700 Masihi di Kufah . Beliau meninggal dunia di Halwan pada tahun 106 Hijrah bersamaan dengan tahun 773 Masihi semasa pemerintahan Abi Ja'far Al-Mansor .

Beliau belajar Qiraat Al-Quran daripada Abu Muhammad Sulaiman bin Mahrān Al-A'fash belajar daripada Abu Muhammad Yahya bin Wathab Al-Asadi , dan Yahya belajar daripada Abu Shabal Al-Qamah bin Al-Qais. Al Qamah belajar daripada Abdullah bin Mas'ud dan Abdullah Mas'ud daripada Rasulullah S.A.W

Hamzah Adalah seorang guru besar ilmu Qiraat yang alim sesudah Imam Asim dan Al-A'fash di Kota Kufah . Di samping Qari beliau ialah seorang ahli hadis yang Thiqah ( ثقہ ) dan Hafaz berpuluhan ribu hadis. Ia juga ahli dalam ilmu Faraid dan ahli ilmu Tatbabahasa Arab yang mashhur .

(45)

5) Al-Dhahbiyy ; Mizan al-Itidal Juzu'1 (Matba'ah Muhammadiyah , Lucknow , 1301 H ) m.s 251.

Murid Hamzah yang mashbur sebagai perawi Qiraatnya ialah:

(a) Khalaf. Nama lengkapnya Abu Muhammad Khalaf bin Hisham bin Ḥalib Al-Bazzār . Beliau sudah dapat menghafal Al-Qurān seluruhnya ketika masih berumur 10 tahun lagi. Semasa umur yang masih muda iaitu 13 tahun ia mulai mempelajari bermacam-macam cabang ilmu pengetahuan .

Khalaf adalah seorang imām dan guru Qiraat Al-Qurān , seorang ulamak yang zāhid dan ahli ibadah. Meninggal dunia di Baghdaḍ pada tahun 229 Hijrah .

(b) Khallad . Nama lengkapnya ialah Abū Isa Khallād bin Khālid , di panggil juga Ibn Khālid Al-Sairafi Al-Kufiyy . Meninggal dunia pada tahun 220 Hijrah.

#### Keempat: Ibn 'Amir

Nama lengkapnya Abdullah bin 'Amir Al-Shāmī , dilahirkan pada tahun 21 Hijrah bersamaan 640 Masihi dan meninggal dunia pada tahun 118 Hijrah bersamaan 736 Masihi di Kota Damshik.

Ia adalah Qādi di Damshik pada zaman Khalifah Al-Walid bin Abdul Malik . Gelarannya Abu Na'īm dan ada juga yang menggelarnya Abū Imrān.

Ibn 'Āmir adalah seorang Tabi'in yang pernah bertemu dengan Wathilah Ibn Al-Ashqā' dan dengan Nufmān bin Bashīr. Beliau adalah imām di masjid Jāmi' Al-Amawi pada zaman Khalifah Umar bin Abdul 'Aziz dan sesudahnya.

Ibn 'Āmir pernah menjawat jawatan qādi , imām dan mahaguru Qiraat Al-Qurān, yang mana Kota Damshik pada zaman itu merupakan tempat bermulanya berlaku perselisihan antara para ulma' .

Ibn 'Āmir belajar Qiraat Al-Qurān daripada Al-Mughirah bin Abī Shihāb Al-Makhzumiyy dari Othman bin 'Affan dari Rasulullah S.A.W. (46)

Di antara perawi yang mashhur yang meriwayatkan qiraatnya ialah Hishām dan Ibn Zakuān .

(a) Hishām: Nama lengkapnya Hishām bin Ammār bin Nasir Al-Salāmī . Panggilannya Abū Al-Walid . Beliau adalah seorang yang sangat alim di Kota Damshik , pernah menjadi qādi , mufti dan mahaguru ilmu Qiraat

---

(46) Al-Dhahabiyy , Ibid Juzu' 2 : m.s 51.

Al-Qur'an . Di dalam bidang ilmu Hadis pula , beliau terkenal sebagai seorang yang kuat ingatan dan amanah serta boleh dipercayai . Beliau meninggal dunia pada tahun 245 Hijrah (47)

(b) Ibn Zakuān : Namanya Abdullah bin Ahmad bin Bashir bin Zakuān Al-Qurshi Al-Damshiqiyy. Gelarannya Abu Amr . Menurut keterangan dari <sup>pada</sup> setengah ahli Qiraat bahawa , di Kota Damshik pada masa itu , tidak ada seorang pun lebih baik bacaannya melainkan Ibn Zakuān , baik di Irāq , di Hijaż , di Shām , di Mesir dan di Khurasān . Beliau dilahirkan pada tahun 173 hijrah dan meninggal dunia di kota itu pada tahun 242 Hijrah. (48)

#### Kelima: Al-Kisa iyy al-Kufiyy-

Nama lengkapnya Abu Al-Hasan Ali bin Hamzah Al-Kisaiyy Al-Nahwi . Beliau berasal daripada Kota Kufah dan dilahirkan pada tahun yang tidak diketahui , meninggal dunia pada tahun 189 hijrah di daerah Al-Raié . Menurut pendapat sebahagian ahli sejarah , beliau meninggal dunia di negeri Tos pada tahun 183 Hijrah atau 799 masihi

---

17) Al-Dhababiyy , Ibid Juzu'2 : m.s 255

18) Khairuddin Az-Zarkali , Al-A'lam Juzu' 4 m.s 188 dan Ghayah Nihayah Juzu' 1 m.s 404

Al-Kisā'iyy adalah seorang ulama' besar dan mashhur , sarjana di dalam berbagai-bagai Qiraat Al-Quran dan juga seorang pakar di dalam ilmu Tatabahasa Arab dan ilmu Bahasa. Selama di Baghdad , beliau ditugaskan mengajar dan mendidik anak-anak Khalifah Hārūn Al-Rashīd iaitu Al-Ma'mūn dan Al-Amin.

Al-Kisā'iyy mempelajari Qiraat Al-Qurān dari Imām Hamzah dari Muhammad bin Abī Laila dari Isa bin 'Amr , sedangkan Isa bin 'Amr belajar dari Imām 'Āsim . (49)

Di antara murid-muridnya yang mashhur sebagai perawi Qiraatnya ialah Abū Ḥarith dan Al-Duri .

(a) Abū Ḥarith : Nama lengkapnya Al-Laith bin Khālid Al-Baghdadi . Beliau adalah murid dan sahabat Al-Kisā'iyy , dan termasuk juga dalam senarai guru Qiraat Al-Qurān yang sangat cermat , kuat ingatan lagi boleh dipercayai

(b) Al-Duri : Telah diterangkan di atas pada riwayat Abū 'Amr bin al-Ālā' .

---

9) Zubadi Hassan Al-Asybili , Tabaqat Al Nahawiyin Wa Al-Lughawiyin m.s 138.

## Keenam: Imam Nafi' Al-Madani

Nama lengkapnya ialah Nafi' bin Abd Al Rahman bin Abi Na'im Al-Laitiyy . Beliau lahir pada tahun 70 Hijrah dan meninggal dunia di Madinah pada tahun 169 Hijrah.

Ia berasal dari Isbahān, seorang yang berkulit hitam, tetapi menjadi mahaguru dan imām masjid Madinah. Pada masa itu , semua Qiraat orang di Madinah berasal dari Qiraat Nafi'. Nafi' belajar Al-Qurān dari 70 orang Tabi'in di antara Abu Ja'far , Abd Al Rahman Harmuz Al-Araj dan Muslimin bin Jundub . Al-Araj ini belajar Qiraat Al-Qurān dengan Abdullah bin 'Abbas dan Abu Hurairah. Ibn 'Abbas dan Abu Hurairah belajar dari Ubai bin Ka'ab , sedangkan Ubai bin ka'ab belajar dengan Rasulullah S.A.W.

Nafi' pernah menjadi imām dan mahaguru ilmu Qiraat di Madinah selama 70 tahun , sehingga menyebabkan ramai orang belajar Al-Qurān dengannya. Di samping itu , beliau memiliki keistimewaan suara yang sangat lunak dan merdu . Apa yang paling menarik ialah setiap kali Nafi' berkata dengan seseorang beliau selalu tersenyum manis. (50)

---

○) Lihat Ibn Khalkan , Wafiyat Al-A'yan Juzu'2 m.s 151.

Perawi yang mashhur dari Qiraat Nafi' ialah Qalun dan Warash.

(a) Qalun : Nama lengkapnya ialah Qalun bin Musa bin Isa bin Minā . Menurut keterangan setengah ahli sejarah bahasa , Qalūn adalah anak tiri Imam Nafi'. Gelarannya Abu Musa.

Ia dipanggil Qalun kerana suaranya baik dan bagus ketika membaca Al-Qurān, perkataan Qalun itu berasal dari bahasa Rumawi yang bererti baik . Beliau adalah seorang qari di Madinah.Ia sangat pekak sehingga bunyi trompet pun tidak terdengar olehnya,tetapi kalau orang membaca Al-Qurān , ia dapat mendengar dengan baik dan jelas.

Qalun telah belajar ilmu Qiraat Al-Qurān secara langsung dari gurunya Nafi' selama 50 tahun. Beliau juga dari keturunan suku Asad , lahir pada tahun 120 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 220 Hijrah.(51)

---

(51) Lihat Jamaluddin , Al-Najum, Zahirah Juzu' 2 m.s 235.

(b) Warash: Nama lengkapnya Othman bin Sa'īd Al-Misriyy yang digelar sebagai Abu Sa'īd . Ada pula yang memanggilnya Abu 'Amr, ada pula yang memanggilnya Abu Qāsim . Warash adalah panggilan mashhur. Dia meninggal negerinya Mesir untuk ke Madinah hanya semata-mata ingin mendalami ilmu Qira'at Al-Qur'an daripada Nafi', sehingga dia berhasil mengkhatamkan Al-Qur'an dengannya. Setelah itu dia kembali ke Mesir pada tahun 155 Hijrah. Ia dilahirkan di Mesir pada tahun 110 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 198 Hijrah.

Warash adalah orang yang paling baik suaranya dan fasih lidahnya membaca Al-Qur'an , apabila ia membacanya , orang-orang datang berduyun-duyun mendengarnya sehingga tidak pernah jemu dan bosan mendengarnya.

Di Mesir ketika itu, beliau adalah seorang mahaguru Qira'at Al-Qur'an yang benar-benar teliti di dalam bacaannya sehingga dia dilantik sebagai Shaikh Al Maqari' Al-Quran di Mesir.

Warash bertubuh pendek mempunyai kulit yang halus dan putih kemerahan ala kekuningan . Beliau gemar memakai pakaian pendek , gurunya Nafi' menggelarkannya dengan nama Al-Warashān bermakna seekor burung tekukur yang mashhur, yang warnanya usam kemudian diringkaskan panggilannya kepada Warash . (52)

---

(52) Lihat Muhibbuddin Al-Zubaidi , Tai Al Arush Juzu'1 , m.s 364

## Ketujuh: Imam 'Asim Al-Kufiyy

Nama lengkapnya Asim bin Abi Al-Najwadi Al-Kufiyy. Beliau adalah ketua Bani Asad. Dia belajar Qira'at Al-Qur'an daripada Abu Abd Al Rahman Abdullah bin Habib Al-Salimi, dan Abd Al Rahman mempelajarinya daripada Othman bin 'Affan Ali bin Abi Talib, Ubai bin Ka'ab dan Zaid bin Thabit yang kesemuanya belajar secara langsung dari Rasulullah S.A.W.

'Asim adalah seorang yang mempunyai suara dan Qira'at paling baik , di dalam soal Qira'atnya terkumpul pada kefasihan , ketekunan dan ketajwidan Al-Qur'an.

Abdullah bin Ahmad bin Hambal telah berkata, "Pernah aku bertanya pada ayahku tentang peribadi 'Asim ini. Maka ayahku berkata bahawa , dia seorang lelaki yang salih dan Thiqah.

'Asim ialah seorang Tabi'in yang menjadi guru Qira'at tujuh yang berasal dari Kota Kufah serta terkenal dalam selok-belok ilmu hadis . Tarikh lahir beliau adalah tidak diketahui tetapi beliau meninggal dunia pada tahun 127 Hijrah bersamaan 425 Masihi di Kufah. (53).

---

(53) Lihat Ghayah Al-Nihayah Juzu'2 , m.s 346 dan lihat Wafiyyat Al-A'yan Juzu'2 m.s 224.

Di antara perawi mashhur tentang Qirā'atnya ialah Shu'bah dan Hafas.

(a) Shu'bah: Nama lengkapnya ialah Abu Bakar bin Al-İyāshī bin Salmi Al-Asadiyy. Ada orang memanggilnya Muhammad sahaja dan ada yang memanggilnya dengan Maṭraf.

Shu'bah adalah imām yang sangat alim dan mahaguru Qirā'at Al-Qurān pada zamannya. Menurut riwayat ahli sejarah, ketika Syu'bah berada di dalam sakratul maut (menghadapi kematiannya) maka menangislah saudara perempuannya, lalu Syu'bah berkata, " Mengapa engkau menangis wahai saudariku ? Perhatikan olehmu riwayatku, engkau harus bergembira, lihatlah sesungguhnya aku telah menamatkan bacaan Al-Quran sebanyak 18,000 kali.

Beliau dilahirkan pada tahun 95 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 193 atau 194 Hijrah. Beliau adalah seorang imām yang alim dan mengerti dalam bidang agama.(54)

(b) Hafas : Nama lengkapnya Hafas bin Sulaiman bin Al-Mughirah Al-Bazzar Al-Kufiyy dan dikenali sebagai Hafas. Beliau berguru kepada Ḥāsim dalam ilmu Qirā'at Al-Qurān. Hafas sangat alim dengan bacaan Ḥāsim sehingga bacaannya tersebar luas seluruh dunia Islam. Beliau merupakan anak tiri Ḥāsim.

---

54) Lihat Ibn Jazariyy, Al-Nashr Fi Al-Qirā'at Al-'Ashr Juzu'1 , m.s 156

Menurut salah satu riwayat<sup>2</sup>, pada mula-mulanya dia sangat lemah dalam pelajarannya tetapi gurunya. Asim mengajar Al-Qur'an sedikit demi sedikit kepadanya dan akhirnya ia telah membawa hasil yang sangat memuaskan dan menjadikannya murid yang paling dipercayai oleh gurunya sehingga menjadi seorang ahli Qiraat yang termashur. Beliau wafat pada tahun 180 Hijrah (55)

#### NAMA QARI-QARI DAN AHLI QIRAAAT AL-QURAN

Pertama : Dari golongan sahabat, iaitu orang-orang yang bertemu dan belajar secara langsung daripada Nabi S.A.W.

- (a) Abu Bakar Al-Siddiq R.A
- (b) Umar Al-Khaṭab R.A
- (c) Othman bin Affān R.A
- (d) Ali bin Abi Ṭalib R.A
- (e) Ubai bin Kaṭab R.A
- (f) Zaid bin Thābit R.A
- (g) Abdullah bin Mas'ūd R.A.
- (h) Abu Darda' R.A
- (i) Abū Mūsa Al-Ash'ārī R.A
- (j) Abdullah bin 'Abbas R.A
- (k) Abu Hurairah R.A
- (l) Abdullah bin Al-Saib R.A

---

<sup>2</sup>) Lihat Mizan al-Itidal (Juzu'1) m.s 261

Lihat Ibn Hajar Al-Asqalāni Juzu'2 m.s 400

Kedua : Dari golongan Tabi'in , iaitu orang-orang yang belajar dari sahabat sahaja. (56)

Di Madinah:

- (a) Sa'id bin Musayyab.
- (b) 'Urwah bin Zubair.
- (c) Salīm bin 'Utbah.
- (d) Umar bin Abdul 'Azīz.
- (e) Sulaimān bin Yasār.
- (f) Mu'āz bin Al-Hārith.
- (g) 'Ata bin Yasār.
- (h) Abdul Rahman bin Hormuz.
- (i) Muhammad bin Muslim Al-Zuhri.
- (j) Muslim bin Jundub.
- (k) Zaid bin Aslam.

Di Mekah:

- (a) 'Ubaid bin 'Umāir.
- (b) 'Ala' bin Abī Rabāh.
- (c) Tūrus bin Kaisān.
- (d) Mujahid bin Jabr.
- (e) Ikrāmah Maula Ibn 'Abbas.

---

(56) Lihat Al-Imām Al-Mukri , Al-Tabsirah Fi Al Qira'at Al Sab'ah (Dār Salafiah , Mesir ) m.s 95

### Di Kufah

- (a) 'Alqamah bin Qais.
- (b) Al-Aswad bin Yazid.
- (c) Ubaidah bin 'Amr.
- (d) Amru bin Sharhabil.
- (e) Al-Harith bin Qais.
- (f) Rabie bin Khaitam.
- (g) 'Amr bin Maimun.
- (h) Abu Abd Al-Rahman Al-Salmi.
- (i) Zayn bin Hubaish.
- (j) 'Ubaid bin Nadhlah.
- (k) Sa'id bin Jubair.
- (l) Ibrahim bin Yazid An-Nakhe.
- (m) Amir bin Shar' il.

### Di Basrah

- (a) Rafie Mahrur Abu Al-'Aliyah.
- (b) Abu Raja' Al-Tardi.
- (c) Nasrun bin 'Asim.
- (d) Yahya bin Ya'mur.
- (e) Al-Hasan Al-Basri.
- (f) Qatadah bin Da'famah.
- (g) Muhammad bin Sirin.

Selain daripada Tābi'īn yang tersebut masih ada lagi qari-qari yang termashur yang menjadi Imām Qiraat Al-Qurān dan mereka ini belajar secara langsung dari Al-Tābi'īn.

#### Di Mekah.

- (a) Abdullah bin Kathīr (Ibn Kathīr)
- (b) Hamīd bin Qais Al-Āraj.
- (c) Muhammad bin Abī Maħisan.

#### Di Madinah

- (a) Nafī' bin Na'im.
- (b) Abu Ja'far bin Qāqas'
- (c) Shaibah bin Nasa'.

#### Di Kufah

- (a) 'Āsim bin abī Al-Najud.
- (b) Hamzah.
- (c) Al-Kisaiyy.
- (d) Yahya bin Wathab.
- (e) Al-Āmash.

#### Di Basrah

- (a) Abu 'Amr bin Al-'Alā'.
- (b) Ya'kūb Al-Hadramī.
- (c) Isa bin Umar.
- (d) Abdullah bin Abī Iṣhāk.
- (e) 'Āsim Al-Majdari

## Sham

- 1) Abdullah bin Amir.
- 2) Atiāh bin Qais Al-Kailānī.
- 3) Isma'īl bin Abdullah Al-Muhājir.
- 4) Sharīh bin Yazid Al-Hadramī.
- 5) Yahya bin Al-Harith Al-Zāmārī.

## BAL KEEMPAT

### **CIRI-CIRI PERBEZAAN DARI QARI-QARI YANG TUJUH.**

Tarbi kandungan khusus kaedah Qira'at dari mereka.

- 1.1 Ibn Kathir dan Qalun membahaskan tentang mewasalkan Mim Al-Jama' ( ميم جماع ) dan Ha' Al-Kinayah ( هاء الكنایة ).
- 1.2 Abū 'Amr' membahaskan tentang Mad dan Qasr serta Idghām Kabir.
- 1.3 Warash membahaskan tentang:-
  - i-Mentaglizkan huruf Lam yang bukan lafaz Al-Jalalah.
  - ii-Mentarqiqkan huruf Ra' yang Fathah apabila didahului dengan harakah Kasrah atau huruf Lin.
  - iii-Mentahsilikan Hamzah yang dua beriring.
  - iv-Menukitkan Harakah Hamzah kepada huruf Lam dan Nun yang Sakin atau Tanwin dan segala yang Sakin yang sahih yang terletak sebelumnya.

- v-Mengibdal : atau menukar Hamzah yang Sakin menjadi Mad.
- vi-Membaca Hamzah dengan Mad Muttasil wajib atau Munfasil Jaiz.
- vii-Mengishba'kan Mim Al Jama' apabila disambut oleh Hamzah.
- viii-Membaca dengan Imalah segala kalimat yang huruf asalnya Al-Ya'.

1.4 Imam Hamzah membahas tentang Saktah.

1.5 Khalaf membahas tentang tidak dibaca dengan Ghunnah (Sengauan) Nun yang Sakin atau Tanwin apabila disambut oleh huruf Wau atau Ya.

1.6 Hisham dan Hamzah membahas tentang mewakafkan Hamzah (ه).

1.7 Al-Kisai membahas tentang mewakafkan huruf Ha' dan Tā' Al-Ta'ñith (تاءٌ تاءٌ نـيـث).

Semua pokok pembahasan ini dapat dilihat dan dipelajari dalam kaedah dan istilah serta Qiraat-Qiraat dari Qari-Qari itu. Penulis akan memanjangkan perbahasan tersebut di dalam bab yang kedua nanti.

## BEBERAPA ISTILAH DAN KAEDEAH.

Di dalam ilmu Qiraat Al-Quran terutama Al Qira'at Al Sab'ah ( القراءات السبع ) atau Qiraat Tujuh terdapat beberapa ketentuan dan kaedah-kaedah yang bertalian dengan Qiraat Al-Qur'an sebagaimana juga di dalam ilmu Tajwid. Maka dalam ilmu Qiraat ini selain apa yang terdapat di dalam ilmu Tajwid terdapat lagi beberapa istilah yang lain seperti Mad , Tawasut , Qasr , Ishmām , Idghām , Taghlīz , Ibdāl , Imālah , Tashīl , Tarqīq , Tahqīq , Naqal dan lain-lain Di bawah ini akan diterangkan satu persatu.

### 2.1 TAGHLIZ.

Iaitu membesar . atau menebalkan bunyi huruf Lām yang berharakah Fathah, apabila ia di dahului dengan huruf-huruf Sād, Tā' dan Zā' ( س ، ت ، ز ) yang berharakah Fathah atau Sakinah seperti:- (57)

Al Solah ( الصلاة ) , Al Tolaq ( الطلاق ) , Azlama ( اظلم ).

يُقْهِمُونَ الصَّلَاةَ بُقْرَةً : ٣  
وَانْعَزْمُوا الطلاق بُقْرَةً : ٢٢٧  
وَإِنَّا أَظْلَمُ عَلَيْهِم بُقْرَةً : ٢٠

<sup>70</sup>) Lihat Ibn Al-Jazariyy: Al Nashr Fi Al Qira'at Al 'Ashr Jilid 2 m.s 111-112.

Lihat Tahqīq Dr. Abdul Fattah , Kitāb Al Tazkirah Fi Al Qira'at Jilid 1 m.s 307.

Maka huruf Lam pada kalimat-kalimat di atas di baca tebal kira-kira berbunyi antara harakah Al-Fathah dan harakah Al-Domah , atau kira-kira berbunyi huruf = o = pada huruf Latin.

## 2.2 TARQI

Iaitu membaca tipis bunyi huruf Ra' yang berharakah Fathah atau sebagai lawan Tafkhim apabila ia didahului oleh huruf yang berharakah Kasrah , atau kalau huruf Ra' itu didahului huruf Lin seperti :-

Bil-Akhirah ( بِالْآخِرَةِ ), Qiradatan ( قِرَادَاتٍ ),  
Khairan ( حَيْرَانٍ ) dan Ghair ( غَيْرٍ ).

Maka huruf Ra' itu dibaca berbunyi huruf = A = tetapi mentarqiqkan huruf Ra' itu tidak boleh di semua tempat sahaja melainkan dengan beberapa sharat :-

2.2.1 Huruf Ra itu tidak terletak antara huruf Al-Isti'la' iaitu ( Sod, Dod, To, Zo, Ghin, Kha', Qaf ) seperti :

Siratal Mustaqim ( صِرَاطُ الْمُسْتَقِيمِ ) , maka huruf Sirata ( صِرَاطٌ ) tidak boleh ditarqiqkan kerana ini terletak antara huruf Sod dan huruf To .

2.2.2 Huruf Ra' itu tidak ditarqiqkan kalau ia dua beriringan seperti :

Midrara ( مِدْرَارَةٌ ), Dirara ( دِرَارَةٌ ), Mirara ( مِرَارَةٌ ) dan sebagainya.

2.2.3 Huruf Ra' tidak boleh dibaca Tarqiq kalau ia berasal dari kalimat-kalimat Ajam seperti:

Ibrahim ( إِبْرَاهِيمٌ ), Isra'il ( إِسْرَائِيلُ ) dan lain-lain.

2.2.4 Huruf Ra' tidak boleh ditarqiqkan kalau berlainan kalimat apabila huruf yang berharakah kasrah yang mendahuluiinya seperti :

Bi Rabbihim ( بِرَبِّيْهِمْ ), Bi Rahmatin ( بِرَحْمَةِ ) dan sebagainya.

Ini kerana huruf Ba' pada kalimat-kalimat di atas adalah huruf Al-Jar yang merupakan satu kalimat pula.

### 2.3 IBDAL

Iaitu menukarkan Hamzah yang Sakin menjadi Mad sehingga huruf yang sebelumnya dibaca panjang. Kalau huruf yang yang sebelum Hamzah itu berharakah Fathah maka kalau ia dimadkan dengan Alif seperti:

Paddara'tum ( فَادَارَأْتُمْ ) dibaca Paddiratum ( هَادَارَأْتُمْ )

Jikalau sebelum Hamzah itu huruf yang berharakah Dommah maka ia dimadkan dengan Wau seperti :-

Yu'minun ( يُؤمِنُونَ ) dibaca dengan Yuuminun ( يُؤمِنُونَ )

dan jikalau huruf yang sebelum Hamzah itu berharakah Kasrah maka ia dimadkan dengan huruf Ya' seperti :-

Bi'sama ( بِسَامَ ) dibaca dengan Bisama ( بِسَامَ ) dan sebagainya lagi.

#### 2.4 NAQAL

Iaitu memindahkan harakah Hamzah pada huruf Lam dan huruf Nun yang Sakin atau Tanwin yang terdapat sebelum Hamzah itu, seperti :-

Fil Ardīc ( فِي الْأَرْضِ ) dibaca dengan Fi Lardi ( فِي الْأَرْضِ )  
Usku Anta ( أُسْكِنْتَ أَنْتَ ) dibaca dengan Usku Nanta ( أُسْكِنْتَ أَنْتَ )  
Azabun Alim ( عَذَابُ الْعِلِّيمِ ) dibaca dengan Azabunalim ( عَذَابُ الْعِلِّيمِ )  
Ingitulah seterusnya.

#### 2.5 HARAKAH AL-ISIBĀ'

Iaitu memenuhi atau mengenyangkan bacaan Mim Al-Jama' dengan Wau sebagai Mad sedangkan Mim Al-Jama' tersebut diberi harakah Ad-Dommah seperti :-

Alaihim ( عَلَيْهِمْ ) dibaca dengan Alaihimu ( عَلَيْهِمْ )  
Antum ( أَنْتُمْ ) dibaca dengan Antumu ( أَنْتُمْ )  
Innakum ( إِنْتُمْ ) dibaca dengan Innakumu ( إِنْتُمْ )

• عَلَيْهِمْ  
• أَنْتُمْ  
• إِنْتُمْ

## 2.6 IMALAH

Iaitu mengiringi atau menggandingkan bacaan Alif sebagai huruf Mad sehingga berbunyi antara harakah Al-Fathah dan harakah Al-Kasrah atau berbunyi = E = dengan sharat :-

i= Yang dibolehkan dimalahkan itu hanyalah kalimat kalimat Ism dan Fi al sahaja .

ii= Kalimat itu menurut asalnya adalah huruf Al-Ya' seperti:-

Huda ( حُدَى ) menjadi Hude,

Ad Dunya ( الدُّنْيَا ) menjadi Ad Dunye,

Ahyakum ( أَهْيَاكُمْ ) menjadi Ahyekum,

dan lain-lain lagi.

iii Kalau terdapat huruf Ar-Rā' yang berharakah Kasrah diakhir kalimat , dan huruf yang sebelumnya berharakah Fathah dengan Mad , maka Alif yang menjadi Mad itu boleh diimalah seperti :-

Ab Sarihim ( أَبْشِرِيهِمْ ), Jabbarin ( جَبَّارِينْ ), Kal Himar ( كَلْهِمَارْ ).

iv- Kalau terdapat di akhir kalimat itu Ta' Marbutah maka harakah Fathah yang terdapat sebelumnya boleh pula diimalahkan , tetapi hanya pada waktu berhenti atau wakaf sahaja seperti :-

Ashharatun Kamilah (عَشَّرَةُ كَامِلَةٍ ) ,

Nifmatun Zahirah (نِفْمَةُ ظَاهِرَةٍ ) ,

Mubasirah (مُبَسِّرَةٌ ) .

#### 2.7 TAQLIL

Dikenali juga dengan Imālah Sughra, yakni suatu bunyi di antara Fathah dan Imālah . Tempat penggunaannya dirujukkan kepada huraian Imālah sebelumnya ketepatan sebutan Imālah dan taqlīl mesti bermuhibbah dengan guru yang murshid.

#### 2.8 TASHIL

Iaitu memudahkan bacaan Hamzah yang dua beriringan , tetapi yang boleh ditaksilkan hanyalah huruf yang kelua sahaja dari Hamzah itu.

i- Kalau kedua Hamzah itu sama-sama berharakah Fathah , maka Hamzah yang kedua dibaca kira-kira berbunyi antara Hamzah dan Alif seperti :-

A Andhartahum (أَنْدَرْتَهُمْ ) dibaca dengan Andhartahum (أَنْدَرْتَهُمْ )

Idhaja'a Ajaluhum (إِذْ أَجَاءَ أَجْلُهُمْ) dibaca dengan Idhaja' ajaluhum (إِذْ أَجَاءَ أَجْلُهُمْ).

Jadi Hamzah kedua tidak dibaca, hanya seolah-olah menjadi Mad bagi Hamzah pertama.

ii- Hamzah yang pertama berharakah Fathah dan Hamzah ke dua berharakah Kasrah, maka Hamzah kedua ini dibaca berbunyi di antara Alif dan Ya' seperti :-

Shuhada'a Idh had aya ( شَهَادَةً إِذْ هَدَى ) dibaca dengan Shuhada'a Yidh Had aya ( شَهَادَةً يَدَاهُ ).

iii- Hamzah pertama berharakah Fathah dan Hamzah kedua berharakah Dommah, maka Hamzah kedua dibaca berbunyi di antara Alif dan Wau seperti :-

Qui 'A Unabbi'ukum ( قُلْ أَعْنَبِّيْكُمْ ) dibaca dengan Qui 'U' Wunabbi'ukum ( قُلْ أَوْنَبِّيْكُمْ ).

Mengenai masalah Hamzah ini akan dibincangkan di dalam bab yang tersendiri, Insha Allah.

## 2.9 ISQAT ( исقاط )

Iaitu menggugurkan, istilah ini biasanya dipergunakan pada bab Hamzah sama ada Hamzah itu terdiri dalam dua perkataan atau satu perkataan seperti :-

Au Ja a Ahadun ( أَوْجَاهَ أَحَدُ ) dibaca dengan Au Ja ahadun ( أَوْجَاهَ أَحَدُ ).

## 2.10 ISKAN ﴿سکان﴾

Iaitu huruf yang dimatikan bagi yang asalnya berbaris atau dipanggil baris mati. Contohnya:-  
Suhutu ( سُهُوت ) dibaca dengan Suhtu ( سُهُوت ).

## 2.11 MAD مَدٌ

Iaitu memanjangkan sebutan suara pada huruf pemanjang dengan kadar enam harakat tanpa lebih atau kurang. Contohnya :-

Al Ḥāmmah . Al-Qubra ( الْعَالِمَةُ الْكَبِيرَ )

Selain dari itu ada lagi dua ketentuan di dalam ilmu Dirāat iaitu :-

### 2.11.1 Tawassut تَوَسُّتٌ

Iaitu bacaan Hamzah yang diiringi oleh huruf Al-Mad, maka panjangnya adalah adalah dua Alif atau empat harakah.

### 2.11.2 Qasr قَسْرٌ

Iaitu bacaan Hamzah yang diiringi oleh huruf Al-Mad, maka panjangnya hanya satu Alif atau dua harakah.

## 2.12 IZHĀR ﴿إِذْهَار﴾

Di dalam ilmu Qiraat juga terdapat istilah Izhār , tetapi tidak sama dengan apa yang dimaksudkan di dalam ilmu Tajwid . Jikalau di dalam ilmu Tajwid , apa yang dikatakan dengan Izhār ialah menzahirinya atau menjelaskan bunyi Nun yang Sakin atau Tanwin apabila disambut oleh huruf-huruf Izhar . Akan tetapi di dalam ilmu Qiraat , yang dikatakan dengan Izhār ialah menzahirkan bunyi huruf yang Sakin apabila disambut oleh huruf lain yang bersamaan makhrajnya dengan huruf Sakin yang sebelumnya . Sebenarnya ia harus diidghāmkan , namun di dalam ilmu Qiraat huruf ini boleh diizharkan seperti :-

Wa'lā Ana 'Aabidum Ma 'abadtum ( ﴿وَلَا إِنَّا عَابِدُ مَا عَبَدْتُم﴾ )  
maka bunyi huruf Dal di sini harus diizharkan dengan sifat yang miliknya iaitu Qalqalah .

Ya Bunaiyar Kamma fana ( يَا بُنَيَّار كَمَّا فَانَّا ) maka bunyi huruf Ba , di sini harus diizharkan dengan sifatnya iaitu Qalqalah . Maka ia dibaca dengan :-  
Yaa Bunaiyar Kabb ma fana ( يَا بُنَيَّار كَبَّ مَا فَانَّا ).

## 2.13 IDGHĀM ﴿إِدْغَام﴾

Iaitu memasukkan satu huruf kepada huruf yang lain , baik Idham Al-Mutamathilain ( إِدْغَامُ الْمُتَمَاثِلَيْنِ ) mahupun Idghām Al-Mutajānisain ( إِدْغَامُ الْمُتَجَانِسَيْنِ ) ataupun Idghām Al-Mutaqāribain ( إِدْغَامُ الْمُتَقَرِّبَيْنِ ) seperti :

i - Idh Tabarra'alla adhinat tubi'ū ( )  
dibaca It Tabarra'alla dhina tubi'ū ( )

(إِذْ تَبَرَّأَ اللَّهُ عَنِ الظَّنِّ أَتَبْعَدُ  
أَتَبْرَأُ إِلَيْهِ الظَّنِّ أَتَبْعَدُ

ii - Thummattakhaztumul ijla mim Ba'dihī ( )  
dibaca Thummattakhat Tum ( ) dan begitu  
pula lah sebaliknya.

iii - Qaala Kam Labithta ( ) dibaca Qala  
Kam Labitta ( ) di sini yang diidghamkan  
ialah huruf-huruf Thā' kepada huruf Ta'.

iv - Qad Tabayyanarrushudu Minal Ghai ( )  
dibaca Qattabayyana ( ) iaitu memasukkan huruf  
Al kepada huruf Al Ta' dan begitulah sebaliknya.

#### 2.14 ISYAMĀM (إِسْمَام)

Iaitu mencampurkan dua huruf atau dua harakah hingga  
menjadi satu bunyi seperti :

i - Ihdinassiratal Mustaqim ( )  
Siratalladhiina anfa'ta'alihim ( )  
huruf Sod di sini dibaca di antara huruf-huruf Sod  
dan Zai sehingga terjadi percampuran dua bunyi antara  
dua huruf.

ii Wa idha qila tahu'm ( ) dibaca dengan Wa'idha

Quila Iahum ( قُلْ يَاهُومْ ) . Di sini yang bercampur ialah antara baris Dommah dengan Kasrah . Ketika itu kalimat Qala ( قَالَ ) dikembalikan kepada bentuk asalnya iaitu Quwila ( قُوْلَ ) dengan Sighah Majhul .

iii - La Ta' Manna Falā Yusufa ( لَا تَأْمُنَّا عَلَىٰ يُوسُفَ ) di sini yang dicampur ialah harakah Dommah dengan Fathah yang terdapat pada huruf Nun yang bertashdid .

#### 2.15 IKHTILAS ( اِخْتِلَاسٌ )

Bertinya samar-samar , atau tidak jelas benar bunyi harakah pada suatu huruf . Biasanya Ikhtilas ( اِخْتِلَاسٌ ) ini terdapat pada huruf Ra' seperti :-

i - Wa Arina Manasikana ( وَأَرِنَا مَانَسِيْكَانَا ) maka huruf Ra' pada kalimat Arina ( أَرِنَا ) dibaca dengan harakah yang samar-samar iaitu berbunyi antara baris Sakin atau Kasrah .

ii - Ya Murukum ( يَا مُرُوكُمْ ) maka huruf Ra' dibaca antara baris Sakin dan Dommah .

#### 2.16 SAKTAH ( سَكْتَاهُ )

Berhenti seketika suara kita ketika membaca tetapi nafas tidak berhenti . Di dalam Al-Quran Al-Karim ada beberapa tempat yang diisharatkan dengan adanya Saktah ini . Contohnya :

i- Iwājā Qaiyyimī (عِوْجَاجَ قَيِّمًا ) di dalam surah Al-Kahf .

ii- Kallā Bal Rānā ( كَلَّا بْلَرَانَ ) di dalam Surah Al-Mutaffifin.

Tetapi lain halnya di dalam ilmu Qirā'at, Saktah ini berlaku apabila kita membaca huruf Lam yang Sakin atau huruf yang berbaris Fathah seperti:

Fil-Ardi ( فِي الْأَرْضِ ), Uskun-Anta ( أَنْتَ عَلَى ), 'Adhābun-'Alīm ( عَذَابُ الْعَالِمِ ) sebagainya.

#### 2.17 TAKHIFIC ( تَحْفِيفٌ )

Ertinya moringankan. Yang dimaksudkan dengan keringanan di sini ialah menghilangkan Tashdid pada huruf-huruf yang berharakah Fathah , Kasrah dan Dommah . Sedangkan huruf yang sebelumnya diberi baris Sakin seperti:

i- Wa yunazzilul Ghaitha ( وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَةَ ) dibaca Wa yunzilul Ghaitha ( وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَةَ ), maka huruf Nun di sini disakinkan dan huruf Zai ditakhifikan yakni dibuang kan Shaddah daripadanya.

ii- Wa Yubashshirul Mukmin ( وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنَ ) dibaca Wa Yabshurul Mukmin ( وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنَ ), maka huruf Ba' di sini diberi harakah Sakinah dan huruf Shin diberi harakah Dommah dengan Takhif, iaitu membuang Shaddah daripadanya dan begitulah dengan lain-lainnya

## 2.18 RAUM ( رُوْم )

Iaitu memberi setengah harakah lagi bagi mad Arid Lissukun ( مدعاً فِي لِسْكُونٍ ) dan berlaku hanya ketika Wakaf sahaja iaitu dengan sharat huruf akhir daripada Mad Aridh lissukun itu haruslah berharakah Kasrah atau Dommah seperti:

Iyyaka Na'budu Wa Iyyaka Nasta'inu ( إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَأْنِدُ ) maka Mad Arid Lissukun yang berlaku pada huruf 'Ain boleh ditambah setengah sampai satu harakah lagi sesudah Mad, sebab huruf Nun berharakah Dommah.

Raum tidak berlaku kepada huruf yang akhirnya berharakah Fathah seperti:

Ihdissiratal Mustaqima ( إِلَهْسِنْا لِلْعَرَاطَاطِسْقِيمَ ) . Ini adalah kerana huruf Mim berharakah Fathah berbeza dengan:

Malikiyaumiddini ( مُلِكَ يَوْمَ الدِّينِ ) . Pada Mad Aridh Lissukun di sini berlaku pada Raum.

Begitu pula pada: Kamā 'Amanassufahā'u ( كَامَانْ السُّفَاهَا وَ ) kerana Hamzah di sini berharakah Dhomma dan begitulah seterusnya.

Akan tetapi Raum tidak berlaku kalau ketika Wasal dengan Idghām , sekalipun huruf akhir daripada kalimat itu tidak berharakah Fathah seperti :

Ar-Rahmanir Rahiimmaliki Yaumiddin ( الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ مُلِكِ يَوْمَ الدِّينِ )

## IASALAH HAMZAH-HAMZAH YANG WUJUD DI DALAM AL-QURAN

### 3.1 Hamzah Mufradah

#### i - Hafas

Beliau membaca Tahqiq semua Hamzah Mufradah yang wujud pada satu kalimat sama ada Hamzah itu terletak di awal , di tengah atau di akhir.

#### ii - Qalun

Beliau membaca Tahqiq semua Hamzah Mufradah seperti apa yang dibacakan oleh Hafas melainkan pada suatu kalimat ini iaitu Azabim Ba'is ( عَذَابٍ بَيْسٍ ) Qalun membaca Azabim Bis ( عَذَابٍ بِسٍ ), yang terdapat di dalam Surah Al-A'raf 165.

#### iii - Warasy

Beliau membaca pada Hamzah Mufradah secara Ibdal atau Naql Al harakah ( حَرْكَةً نَقْلٍ ).

##### a) Ibdal

Iaitu menukar setip Hamzah yang Sakin kepada Mad sehingga huruf yang sebelumnya dibaca panjang, kalau huruf yang sebelum Hamzah itu berharakah Fathah maka ia dimadkan dengan Alif seperti:

Ya'tiyahum ( يَأْتِيْهُمْ ) dibaca Yatiyahum ( يَأْتِيْهُمْ )

Jikalau sebelum Hamzah itu huruf yang berharakah Dommah,  
maka ia dimadkan dengan Wau seperti :

Yu'minun ( يُؤمِنُونَ ) dibaca dengan Yuminun ( يُؤمِنُونَ )

Mu'minun ( مُؤمِنُونَ ) dibaca dengan Muminun ( مُؤمِنُونَ )

dan seterusnya.

Dan jikalu sebelum Hamzah itu berharakah Kasrah, maka ia  
dimadkan dengan huruf Ya' seperti :

Ri'sama ( يُسَامَةً ) dibaca dengan Risama ( رِسَامَةً ).

Di dalam Al-Quran terdapat beberapa pengecualian Ibdal  
seperti di atas iaitu pada kalimat Al-'Iwa' ( الْجِوَادُ )  
dan perubahannya dari urutan kata asal seperti:

Ma'wahum ( مَا وَاهِمٌ ), Al-Mawa' ( الْمَاوِيُّ ), Tu'wī  
( تُوْعِيُّ ) ditempat ini Warash membaca dengan Tahqiq  
Hamzah tidak dengan Ibdal.

Sebagaimana Warash menukarkan Hamzah kepada Ya' dengan  
sharat Hamzah itu terletak bersepadan dengan Ain Fefel  
( عَيْنَ فَعْلٍ ) ada tiga tempat sahaja di dalam Al-Quran  
iaitu:

i- Di dalam Surah Al-Haj ayat 45, firman Allah S.W.T :

Bi'rim Mu'attalah ( بِرِيرٍ مُعَطَّلَةً ) dibaca Birim  
Mu'attalah ( مُعَطَّلَةً ) .

Bi'sa (بِسْأَ) dibaca Bisa (بِسْ).

Adh-Dhi'bu (الدّبُّ) ada tiga tempat disebut di dalam Surah Yusof, dibaca Az-dhibu (الذِّيْبُ).

Warash juga menukar Hamzah Maftuhah yang berbaris di atas kepada Wau seperti di bawah ini :

Mu'ajjalat (مُؤَجَّلَةً) dibaca Muwajjalat (مُوْجَّلَةً).

Yu'akhidhukum (يُواحِدُكُمْ) dibaca Yuwakhidhukum (يُوَاخِدُكُمْ).

Yu'addih (يُوَدِّه) dibaca Yuwaddih (يُوَدَّه).

Mu'adhdhin (مُوَدَّدِنْ) dibaca Muwdhdhzin (مُوَدَّدِنْ).

Mu'allafah (مُوَلَّفَةً) dibaca Muwallafah (مُوَلَّفَةً).

b) Naqlal-Harakah (نقل الحركة) dan Hazaf Hamzah (حذف حمزة)

Jika datang Hamzah Qata' pada awal kalimat didahuluinya huruf Sakin (selain huruf Mad atau Lin) maka Warash memindahkan Hamzah itu kepada huruf sakin yang didahuluinya dan dibuangkan Hamzah. Contoh-contohnya seperti di bawah ini :

Qad Afliha (قَدْ أَفْلَحَ) dibaca Qadaflaha (قَدْ فَلَحَ).

Surah Al-Mukminun ayat 1.

Hal Ata (هَلْ أَتَى) dibaca Halata (هَلَّاتَ) Surah Al-Ihsan ayat 1.

La'in Ashrakta ( لَيْنٌ أَسْرَكْتَ ) dibaca La'inashrakta  
( لَيْنٌ أَسْرَكْتَ ) Surah Al-Zumar ayat 65.

Law Annallaha ( لَوْاَنَّ اللَّهَ ) dibaca LawannAllaha  
( لَوْاَنَّ اللَّهَ ) Surah Al-Zumar ayat 57.

Qul Innama ana Bashsrur ( قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ ) dibaca Qulinnama  
Ana Basharun ( قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ ) Surah Al-Kahf ayat 110.

Man adhinalahurRahmanu ( مَنْ أَذْنَ لَهُ الرَّحْمَنُ ) dibaca ManadhinalahurRahmanu  
ManadhdinalahurRahmanu ( مَنْ تَرَنَّمَ لَهُ الرَّحْمَنُ ) Surah An-Naba' ayat 38.

Min Ajri ( مِنْ أَجْرٍ ) dibaca Minajri ( مِنْجَرِ )  
Surah Yunus ayat 72.

Man Amana ( مَنْ أَمَنَ ) dibaca Manamana ( مَنَامَانَ )  
Surah Al-Maidah ayat 69.

Waqalat Ulahum ( وَقَالَتْ أُولَاهُمْ ) dibaca Waqalatulahum  
( وَقَالَتْ أُولَاهُمْ ) Surah Al-A'raf 39.

Alif Lam Mim Ahasiba ( أَلْمَأْ حَسِيبَ ) dibaca Alif  
Lam Maimmaihasiba ( أَلْفَ لَمَّا مِيْهِسِيبَ ) Surah Al-Ankabut  
ayat 1.

Begitu juga Warash memindahkan harakah Hamzah pada huruf Lam Al-Ta'arif dan huruf Nun yang Sakin atau Tanwin yang terdapat sebelum Hamzah , maka Hamzah itu dibuangkan. Contohnya seperti berikut :

- (وَكَرِّهٌ) Wal Ardi (والارض) dibaca Walardi
- (فِنْ لَرْحِنْ) Fil Ardi (في الأرض) dibaca Filardi
- Khalaqna 'Insana (خَلَقْنَا إِنْسَانًا) dibaca Khalaqnal 'Insana
- (وَلَلَّاجِهَةَ حَيْرَلَدَامَنْ) Walal Akhiratu Khairulaka Minal'ula (والآخرة حيرللأمين) dibaca Wala Akhiratu Kahirullaka Minalula
- (وَلَا يَخْرُجُ حَيْرَ وَلَكَ مِنَلُوْلَا) Adhabun Alim (عدا به أليم) dibaca AdhabunAlim
- (عَدَابُ أَنْتَمْ) Kufuan 'ahad (كفوأ أحد) dibaca Kufuanahad
- (كَفْنَوَاحَدَ) Wakulla Shai'in Ahsainahu Kitaba (وَكُلُّ شَيْءٍ أَهْصَيْنَاهُ كَتَبَا) dibaca Wakulla Shai 'inahsainahu Kitaba
- (وَكُلُّ شَيْءٍ أَهْصَيْنَاهُ كَتَبَا)

Sebenarnya contoh-contoh di atas amat banyak terdapat di dalam surah-surah Al-Quran . Contoh-contoh yang diberikan di atas itu adalah sebagai panduan sahaja .

iv- Duri

Beliau membaca pada Hamzah Mufradah melalui lima cara iaitu :

a) Al-Hazz

Iaitu menghazafkan Hamzah di dalam bacaannya pada ayat Yudahi una (يُدْهِيْ عَنْ) dibaca Yudahuna (يُدْهِيْ عَوْنَ) pada Surah At-Taubah :30

b) Al-Ibdal

Iaitu menukarkan Hamzah kepada Alif pada kalimat Ya'juja Wa Ma'juja (يَأْجُوجُ وَمَاجُوجُ ) dibaca Yajuja Wa Majuja (يَأْجُوجُ وَمَاجُوجُ ) Surah Al-Kahf 84 dan juga pada kalimat Minsha'tahu (مِنْ شَاهِدٍ تَّعْلَمُ ) dibaca Minshatahu (مِنْ لَهِيْ ) di dalam Surah Saba' ayat 14.

c) Tashil

Diringankan Hamzah pada kalimat Ha'antum (هَا أَنْتُمْ ) dibaca Ha'antum (هَا أَنْتُمْ ) iaitu diharuskan bacaan Qasr dan Mad pada Alif tersebut.

d) Jawaz Al-Wajhain ( حَوَارِ الْوَجْهَيْنِ )

Iaitu harus dibaca dua wajah iaitu buang Ya' selepas Hamzah pada kalimat Alla'i (اللَّا إِيْ ) boleh dibaca Alla ai (اللَّا إِيْ ).

e) Tahqiq

Iaitu bacaan Tahqiq pada semua Hamzah Mufradah selain daripada kalimat-kalimat yang tadi , sebagaimana yang dibaca oleh Hafas . Cuma Duri tambah Hamzah seperti ayat-ayat berikut :

i- La Yaltikum ( لَا تَلْتَكُمْ ) dibaca La Ya'littkum  
( لَا يَلْتَكُمْ ) Surah Al-Hujurat ayat 14.

ii- Murjauna ( مُرْجُونَ ) dibaca Murja'unat ( مُرْجَعُونَ )  
Surah Al-Taubah 106.

Turjī ( تُرْجِي ) dibaca Turjītu ( تُرْجِيُّ ) Surah Al-Ahdhab ayat 51.

Al-Tanawush ( الْتَّنَوْشُ ) dibaca Al-Tanawush ( الْتَّنَوْشُ )  
Surah Al-Saba' ayat 52.

iii- Badiyarrāyi ( بَادِيَ الرَّأْيِ ) dibaca Badi'arra'yā  
( بَادِيَ الرَّأْيِ ) Surah Al-Hud ayat 27.

Huzuwan ( حُزُوانَ ) dibaca Huzu'an ( حُزُوانَ ) .  
Kufuan ( كُفُوانَ ) dibaca Kufu'an ( كُفُوانَ ) Surah Al-Ikhlas ayat 3.

### 3.2 DUA HAMZAH DALAM SATU KALIMAT

#### i-HAFAS

Beliau membaca Tahqiq kedua-dua Hamzah yang beriring pada satu kalimat yang ada di dalam Al-Quran melainkan satu kalimat sahaja, dia membaca Tahqiq Hamzah pertama dan Tashil Hamzah kedua. Contohnya :

'A'ajamiyyun ( ﴿أَعْجَمِيٌّ﴾ ) dibaca 'Aajamiyyun ( ﴿أَعْجَمِيٌّ﴾ )  
Surah Fussilat ayat 44.

#### ii-QALUN

Beliau mentahqiqkan Hamzah pertama dan Tashil Hamzah yang kedua. Dimasukkan di antara dua Hamzah Alif Maddiah kadar panjangnya dua harakah. Contohnya :

A'andhartahum ( ﴿أَنْذَرْتَهُمْ﴾ ) dibaca A'a'andhartahum ( ﴿أَنْذَرْتَهُمْ﴾ )  
A'unabbi'ukum ( ﴿أَعْنَبْتُكُمْ﴾ ) dibaca Aa'unabbi'ukum ( ﴿أَعْنَبْتُكُمْ﴾ )  
melainkan pada kalimat A'ush hidu ( ﴿أَعْشُهُدُوا﴾ ) di dalam Surah Al-Zukhruf ayat 19 dibaca dua wajah iaitu memasukkan Alif ataupun tidak.

#### iii-WARASH

Beliau membaca sama dengan Qalun iaitu Tahqiq Hamzah pertama dan Tashil Hamzah kedua , cuma baginya tidak memasukkan Alif Maddiah di antara dua Hamzah . Adapun keadaan dua Hamzah yang beriring berbaris diatas , Warash membaca Tahqiq Hamzah pertama dan Tashil Hamzah

yang kedua atau dibaca Mad apabila selepas Hamzah berbaris Sakin, contohnya:

Ara'a ittalladhi Yukadhdhibubiddin ( أَرَأَيْتَ الَّذِينَ يَكْتُبُ الْدِينَ ) dibaca tiga wajah pada kalimat Ara'a i ( أَرَأَيْتَ ) iaitu dengan Qasr yakni dua harakah berbunyi Ara'a itta ( أَرَأَيْتَ ) atau dibaca dengan Tawassut yakni empat harakah berbunyi Araaaa'a itta ( أَرَأَيْتَ ) atau dibaca dengan Ishba' yakni enam harakah Araaaaa'a itta ( أَرَأَيْتَ ) di dalam Surah Al-Ma'un ayat 1.

#### iv-DURI

Beliau membaca Tahqiq Hamzah pertama dan Tashil Hamzah yang kedua secara mutlak seperti bacaan qari-qari di atas, tetapi pada kalimat O'immatun ( أَئِمَّةٌ ) dibaca Ayimmatu ( أَيْمَمٌ ) yakni ditukarkan Hamzah kepada Ya' Maksurah.

Duri memasukkan Alif di antara dua Hamzah kecuali Hamzah Tashil kedua Madimumah.

Duri membaca dengan Al-Istitham yakni dua Hamzah seperti apa yang dibacakan oleh Hafas dengan Ikhbar ( إِخْبَارٌ ) yakni dengan satu Hamzah pada tujuh tempat di dalam Al-Quran, seperti berikut :

A innakum lata'tuna ( أَنْتُمْ لَتَأْتُنَّ ) Surah Al-A'raf ayat 81, Al-Ankabut ayat 28.

A'innalana La ajra ( ﴿إِنَّ لَنَا لِجَرَأٍ﴾ ) Surah Al-A'raf ayat 113.

A'a mantum ( ﴿مُنْتَمٌ﴾ ) Surah Al-A'raf ayat 123, Toha ayat 71, Al-Shu'ara' ayat 49.

A assihru ( ﴿عَسِيرٌ﴾ ) Surah Yunus ayat 81.

### 3.3 TIGA HAMZAH DI DALAM SATU KALIMAT

Apabila berkimpun tiga Hamzah di dalam satu kalimat wajib Tashīl pada Hamzah tanpa memasukkan Alif di antara kedua-dua ini mengikut bacaan Qālin dan Warash, contohnya:

A'mantum ( ﴿مُنْتَمٌ﴾ ) Surah Al-A'raf ayat 123, Toha ayat 71, As Syu'ara ayat 49.

A alithatuna ( ﴿لِهِتَّا﴾ ) Surah Al-Zukhuruf ayat 58.

Dibaca menurut asalnya iaitu tiga Hamzah , pertama Hamzah Isti'ham dibaca dengan Fathah dan Tahqiq , Hamzah kedua dan ketiga dibaca dengan Sakinah dan disertai dengan Mad pada Hamzah yang kedua dan Tashīl pada Hamzah yang ketiga . Cara membacanya mestilah mengikut guru yang mursyid (cari tu dengan memperbaikiinya secara Tafalli dan Musha'lah).

### 3.4 DUA HAMZAH DI DALAM DUA KALIMAT

TOH	QARI	BH1	BH2	HUKUM H1	HUKUM H2	CONTOH
10	Qalun			Isqat	Tahqiq	حَمَاءُ أَمْرَنَا (هود: 12) <small>دِبَابًا</small>
11	Warasy	/	/	Tahqiq	Tashil @ Ibdal	سَاءَ أَنْشَرَهُ (غيس: 22) <small>(صَرْبَلَ إِذْنَهُ)</small>
12	Duri			Isqat	Tahqiq	جَاءَ أَجْلَهُمْ (العل: 6) <small>دِبَابًا</small>
13	Qalun			Tashil	Tahqiq	مَنْ السَّمَاءُ إِلَى الْأَرْضِ (مُجَدَّد: 5) <small>دِبَابًا</small>
14	Warash	/	/	Tahqiq	Tashil @ Ibdal kpd Ya'	مِنَ السَّمَاءِ يَلْتَهِ مِنْ
15	Duri			Isqat	Tahqiq	مِنَ السَّمَاءِ إِلَى الْأَرْضِ
16	Qalun			Tashil	Tahqiq	أَوْلَيَا وَأُولَئِكَ (الْعَقَاب: 32) <small>أَوْلَيَا وَأُولَئِكَ</small>
17	Warash	و	و	Tahqiq	Tashil	أَوْلَيَا وَلَا يَلْتَهِ
18	Duri			Isqat	Tahqiq	أَوْلَيَا وَلَا يَلْتَهِ
19	Qalun	و		Tahqiq	Ibdal Wau @ Tashil	مَا يَرِهَا النَّبِيُّ إِذَا (الْمَلَقَ: 1) <small>وَذَا دَوْلَهَا</small>
20	Warash	Kasrah	/	Sama	Sama	#
21	Duri			Sama	Sama	#

QARI		BH1	BH2	HUKUM H1	HUKUM H2	CONTOHNYA
Qalun	/	Sama	Sama	(سَمَاءٌ أَقْلَعِي (هود: ٣٤)	سَمَاءٌ أَقْلَعِي (هود: ٣٤)	
Dommah	/				بَشَّارُ وَ قَلْبِي	
Warash	Fathah	Sama	Sama			
Duri	Fathah	Sama	Sama			
Qalun	/	Sama	Ibdal Ya'	هُوَلَّا إِذْ يَأْتِه (النَّبِيَّ: ٦٦)		
Fathah					هُوَلَّا إِذْ يَأْتِه	
Warash		Sama	Sama			
Kasrah						
/						
Duri		Sama	Sama			
Qalun		/	Sama	Tashil	سَمَاءٌ إِذْ حَضَرَ (بَقَة: ١٣)	
Fathah					سَمَاءٌ يَذْهَبُ	
Warash		Sama	Sama			
Kasrah						
/						
Duri		Sama	Sama			
Qalun		/	Sama	Tashil	جَاءَ أَمْرٌ (سُورَة: ٩٤)	
Fathah					جَاءَ حَا	
Warash	Dommah	Sama	Sama			
/						
Duri		Sama	Sama			

#### TUNJUK

= KAEDEAH TILAWAH.

QARI = NAMA PERAWI.

BH1 = HARAKAH HAMZAH PERTAMA.

BH2 = HARAKAH HAMZAH KEDUA.

HUKUM H1= HUKUM BACAAN HAMZAH PERTAMA.

HUKUM H2= HUKUM BACAAN HAMZAH KEDUA.

CONTOH = AYAT-AYAT AL-QURAN.

-->

Qalun , Warash dan Duri adalah sama qiraatnya pada hukum ang keempat , lima , enam , tujuh dan lapan.

Duri dan Qalun adalah sama qiraatnya pada hukum pertama. (58)

Hafas membaca Tahqiq pada semua Hamzah kecuali satu limat sahaja iaitu 'A Ajamiyy<sup>عجمي</sup> ) dibaca dengan shil iaitu Aajamiyy<sup>عجمي</sup> ( ) yang terdapat di dalam rai Al-Fussilit .

---

18) Lihat Tahqīq Samī' Hamzah Hakīmī, Al-Mabsut Fi Al-Qiraat Al-Ashr m.s 123-125

Lihat Husni Sheikh Usman , Haq Al-Tilawah m.s 207-211

Lihat Ibn Al Jazarie, Al-Nashr Fi al-qiraat Ashr Juzu'1 m.s 362-366